



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN PASARAN BURUH

SUKU TAHUN KEDUA 2024
ST2



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN PASARAN BURUH

SUKU TAHUN KEDUA 2024

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian".

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / Youtube : StatsMalaysia
Emel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 23 Ogos 2024

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

eISSN 2735 – 0592

Kata Pengantar

Sorotan Pasaran Buruh (LMR) merupakan penerbitan suku tahunan oleh Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan ini bertujuan untuk membawa penghayatan statistik rasmi dalam kehidupan melalui ulasan dan perihalan trend semasa pasaran buruh. Justeru, statistik suku tahunan digabungkan dalam naratif supaya pengguna memperoleh gambaran yang komprehensif berkaitan pasaran buruh Malaysia.

Bahagian pertama LMR membentangkan kedudukan pasaran buruh Malaysia pada suku tahun kedua 2024 serta perkaitannya dengan prestasi ekonomi dan senario sosial negara dalam tempoh tersebut. Sorotan ini meliputi empat dimensi utama berkaitan maklumat pasaran buruh negara yang merangkumi penawaran, permintaan, produktiviti buruh dan upah pekerja. Satu segmen khusus yang memberi fokus kepada isu atau tema terpilih berkenaan dengan situasi pasaran buruh global dan nasional turut dimuatkan dalam laporan ini. Istimewanya dalam setiap edisi LMR suku tahunan, turut diketengahkan satu atau lebih artikel berkaitan isu-isu pasaran buruh melalui statistik, atau metodologi bagi memperkukuh statistik pasaran buruh. Jadual terperinci statistik siri masa suku tahunan yang berkaitan dengan tiga dimensi pasaran buruh turut disertakan.

Laporan ini akan menghuraikan perubahan tahun-ke-tahun selain perubahan jangka pendek dari suku sebelumnya bagi mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan perubahan suku tahunan dengan berhati-hati kerana statistik ini tidak dibuat pelarasan musim. LMR boleh digunakan oleh penggubal dasar, ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan laporan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai. Diharapkan laporan ini dapat memenuhi keperluan terhadap statistik pasaran buruh yang semakin meningkat.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

Ogos 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Kandungan

Kata Pengantar	i
Kandungan	iii
Glosari	iv
Akronim	vii
Infografik ST2 2024	ix

Sorotan Utama	1
----------------------	----------

Pendahuluan	3
--------------------	----------

Pengangguran terus menurun pada suku tahun kedua 2024, sejajar dengan peningkatan permintaan terhadap buruh dalam sektor ekonomi.

Penawaran Buruh	5
------------------------	----------

Permintaan Buruh	26
-------------------------	-----------

Produktiviti Buruh	33
---------------------------	-----------

Upah Pekerja	39
---------------------	-----------

Menuju Ke Hadapan	46
--------------------------	-----------

Memperkukuh Pasaran Buruh Malaysia: Keutamaan Strategik daripada Prabelanjawan 2025

Kesimpulan	48
-------------------	-----------

Artikel	49
----------------	-----------

Meneraju Perubahan Guna Tenaga: Dapatan daripada Banci Ekonomi 2023

Jadual Statistik

Penawaran Buruh, Malaysia, ST3 2021 - ST2 2024	A1-A10
Permintaan Buruh, Malaysia, ST3 2021 - ST2 2024	B1-B8
Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2021 - ST2 2024	C1-C8
Upah Pekerja, Malaysia, ST1 2023 - ST1 2024	D1-D4

Glosari

Aktiviti ekonomi	: Merujuk kepada klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Belia	: Penduduk yang berumur antara 15 hingga 24 tahun.
Bekerja	: Penduduk yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja dan tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.
Jawatan	: Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.
Jawatan diisi	: Pekerja bergaji (sepenuh masa dan sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja yang bercuti tanpa gaji.
Jumlah jam bekerja	: Agregat jam bekerja sebenar bagi tempoh satu suku tahunan ialah hasil darab pekerja dengan purata jam bekerja seminggu yang kemudiannya didarabkan dengan 13 minggu.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 mengikut. Mahir - 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan professional bersekutu; Separuh mahir - 4. Pekerja sokongan pengkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator loji dan mesin serta pemasangan; Berkemahiran rendah - 9. Pekerjaan asas.

Glosari

- Kadar penyertaan tenaga buruh : Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
- Kekosongan : Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.
- Luar tenaga buruh : Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur termasuk suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), pesara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
- Majikan : Merujuk kepada orang yang telah menerima pekerja melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan termasuk; (i) pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji atau upah kepada pekerja; (ii) mana-mana badan sama ada berkanun atau tidak diperbadankan; dan (iii) mana-mana badan Kerajaan, Jabatan Kerajaan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau badan lain yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan, jika seseorang pekerja bekerja dengan mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan itu atau dengan mana-mana pegawai bagi pihak mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan, pegawai yang mempunyai pekerja dibawahnya dikira sebagai majikan: Dengan syarat bahawa tiada pegawai boleh bertanggungjawab secara peribadi di bawah Akta bagi perkara-perkara yang dilakukan oleh seorang pekerja majikan tersebut.
- Menganggur : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
- Nilai ditambah : Perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
- Nisbah guna tenaga kepada penduduk : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
- Pekerja : Merujuk kepada orang yang bekerja sama ada melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan, sama ada bertulis atau lisan dan sama ada tersurat atau tersirat, untuk bekerja dengan majikan.
- Pencapaian pendidikan : Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi.

Glosari

- Pewujudan jawatan : Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.
- Produktiviti buruh : Merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Ia dikira menggunakan nisbah nilai ditambah kepada jumlah jam bekerja atau pekerja mengikut sektor di Malaysia.
- Taraf pekerjaan : Merujuk kepada kedudukan atau taraf seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan International Classification of Status in Employment (ICSE-93).
- Tenaga buruh : Penduduk dalam kumpulan umur bekerja (dalam tahun mengikut ulang tahun kelahiran yang lepas), sama ada bekerja atau menganggur, dalam minggu rujukan.
- Umur bekerja : Penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.
- Upah : Merujuk kepada semua ganjaran dalam bentuk wang yang dibayar sepanjang tempoh rujukan kepada pekerja. Anggaran upah termasuk bonus, komisen, dan elaun mengikut definisi sumber data. Tidak termasuk: (i) caj perkhidmatan; (ii) bayaran kerja lebih masa; (iii) ganjaran; (iv) faedah persaraan; (v) faedah pengurangan pekerja, pemberhentian atau penamatan; (vi) mana-mana elaun perjalanan atau nilai mana-mana konsesi perjalanan; atau (vii) mana-mana saraan atau bayaran lain sebagaimana yang dikecualikan oleh Menteri.

Akronim

DOSM	:	Jabatan Perangkaan Malaysia
IMF	:	International Monetary Fund
KDNK	:	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	:	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MASCO	:	Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	:	Piawaian Pengelasan Industri Malaysia
RM	:	Ringgit Malaysia
ST	:	Suku Tahun
STB	:	Survei Tenaga Buruh


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU TAHUN KEDUA 2024

Pengangguran terus menurun pada suku tahun kedua 2024, sejajar dengan peningkatan permintaan terhadap buruh dalam sektor ekonomi

PENAWARAN BURUH

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) naik 0.5 mata peratus berbanding ST2 2023




17.15 juta tenaga buruh

▲ 2.5% YoY
▲ 1.1% QoQ

7.19 juta luar tenaga buruh

▲ 0.1% YoY
▼ -0.1% QoQ

Lebih daripada 85 peratus tidak mencari kerja kerana bersekolah dan kerja rumah



*merujuk kepada orang yang melanjutkan pelajaran, kurang upaya, tidak berminat/ baru tamat pengajian dan bersara/ lanjut umur

PERMINTAAN BURUH

Pada ST2 2024

8.96 juta jawatan dalam sektor ekonomi

bertambah 1.5 peratus berbanding suku sama tahun 2023



8.76 juta jawatan diisi

▲ 1.5% YoY
▲ 0.2% QoQ



191.4 ribu kekosongan

▲ 0.8% YoY
▼ -0.2% QoQ




Lebih separuh (56.6%) peluang pekerjaan pada ST2 2024 adalah dalam sektor Pembuatan sebanyak 108.3 ribu kekosongan




31.9 ribu pewujudan jawatan

▲ 0.5% YoY
▼ -0.9% QoQ



Jumlah jam bekerja pada ST2 2024

9.61 bilion jam ▲ 3.4% YoY ▲ 1.7% QoQ



Penduduk bekerja terus mencatatkan peningkatan, kepada 16.59 juta orang




Kedudukan guna tenaga tidak penuh

169.8 ribu guna tenaga tidak penuh berkaitan masa


Kadar: 1.0%
▼ -8.9% YoY
▼ -3.2% QoQ

Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran



Lebih satu pertiga penduduk bekerja berpendidikan tertiar dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah merekodkan 1.94 juta orang


Situasi pengangguran negara



Penganggur berkurang pada ST2 2024 kepada 557.8 ribu orang



Kadar pengangguran turun 0.2 mata peratus tahun-ke-tahun, dan kekal tidak berubah untuk tiga suku berturut-turut



PRODUKTIVITI BURUH

Kedua-dua pengukuran produktiviti buruh mencatatkan peningkatan berbanding suku sama tahun sebelumnya


Nilai produktiviti buruh pada ST2 2024



RM41.7 per jam bekerja



RM24,151 per pekerja



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Sorotan Utama Bagi ST2 2024

- ▶ Pengangguran terus menurun pada suku tahun kedua 2024, sejajar dengan peningkatan permintaan terhadap buruh dalam sektor ekonomi.
- ▶ Penawaran buruh berkembang dengan kadar penyertaan tenaga buruh meningkat 0.5 mata peratus tahun-ke-tahun kepada 70.5 peratus pada ST2 2024. Dalam tempoh yang sama, tenaga buruh meningkat 2.5 peratus untuk merekodkan 17.15 juta orang. Sementara itu, bilangan penduduk bekerja terus meningkat 2.8 peratus kepada 16.59 juta orang dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk naik kepada 68.2 peratus. Bilangan penganggur berkurang 4.1 peratus kepada 557.8 ribu orang, sekali gus mencatatkan kadar pengangguran 3.3 peratus pada ST2 2024.
- ▶ Bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan masa atau mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta sanggup dan boleh menerima tambahan jam bekerja mencatatkan penurunan 8.9 peratus dari suku sama tahun sebelumnya untuk merekodkan 169.8 ribu orang pada ST2 2024. Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa berada pada 1.0 peratus. Sementara itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang merangkumi lebih satu pertiga daripada penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar turun 0.4 mata peratus kepada 37.0 peratus berbanding setahun lalu.
- ▶ Melihat kepada permintaan buruh, jawatan dalam sektor swasta meningkat 1.5 peratus tahun-ke-tahun untuk merekodkan sejumlah 8.96 juta jawatan. Jawatan diisi merangkumi 97.9 peratus, melonjak 1.5 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya kepada 8.76 juta. Disamping itu, peluang pekerjaan yang digambarkan oleh bilangan kekosongan meningkat secara marginal 0.8 peratus kepada 191.4 ribu kekosongan pada ST2 2024. Menunjukkan peningkatan dalam permintaan buruh pada ST2 2024, bilangan pewujudan jawatan meningkat 0.5 peratus kepada 31.9 ribu jawatan.
- ▶ Dengan ekonomi Malaysia berkembang 5.9 peratus pada ST2 2024, produktiviti buruh yang diukur berdasarkan nilai ditambah per pekerja mencatatkan peningkatan 3.1 peratus berbanding suku sama tahun 2023, merekodkan nilai RM24,151 per pekerja. Dalam tempoh yang sama, jumlah jam bekerja melonjak 3.4 peratus kepada 9.61 bilion jam. Oleh itu, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat 2.4 peratus merekodkan nilai produktiviti pada RM41.7 per jam.
- ▶ Pasaran buruh Malaysia mengekalkan momentum positifnya pada suku tahun kedua 2024, didorong oleh permintaan terhadap buruh yang tinggi dalam pelbagai sektor disamping pengangguran terus berkurangan, mencerminkan prestasi ekonomi negara yang semakin kukuh. Melangkah ke separuh kedua tahun 2024, prospek ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh dan eksport yang terus berkembang. Peningkatan dalam aktiviti perniagaan juga dilihat dapat menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia, seterusnya meningkatkan pewujudan lebih banyak jawatan mahir dan menambah peluang pendapatan. Sehubungan itu, pasaran buruh negara dijangka akan terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil pada suku yang akan datang.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1. PENDAHULUAN

Pengangguran terus menurun pada suku tahun kedua 2024, sejajar dengan peningkatan permintaan terhadap buruh dalam sektor ekonomi.

Aktiviti global dan perdagangan dunia memperoleh momentum pada awal tahun ini, dipacu oleh eksport yang kukuh dari Asia, terutamanya dalam sektor teknologi, di mana permintaan yang meningkat untuk semikonduktor, elektronik pengguna, dan komponen digital termaju, didorong oleh peningkatan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan pengembangan infrastruktur Internet Pelbagai Benda (IoT). Menilai keadaan semasa ekonomi global, *International Monetary Fund* (IMF) meramalkan kadar pertumbuhan global sebanyak 3.2 peratus pada tahun 2024 dan 3.3 peratus pada tahun 2025, dengan penekanan terhadap pertumbuhan yang lebih perlahan bagi ekonomi maju tetapi prestasi yang kukuh bagi pasaran baharu muncul dan ekonomi membangun (EMDE), terutamanya di Asia¹. Sementara itu, inflasi dijangka menurun secara beransur-ansur, walaupun inflasi bagi harga perkhidmatan yang berterusan dan harga komoditi yang lebih tinggi akan memperlambatkan proses disinflasi di ekonomi maju, manakala pasaran baru muncul menghampiri paras inflasi prapandemik disebabkan oleh penurunan harga tenaga.

Mengambil kira situasi di Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengunjurkan Keluaran Dalam Negari Kasar (KDNK) akan berkembang antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus pada tahun 2024, didorong oleh pengembangan yang berterusan dalam permintaan domestik dan peningkatan permintaan luar². Bagi separuh pertama tahun 2024, KDNK meningkat 5.0 peratus berbanding 4.1 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu. Ekonomi Malaysia dijangka terus mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong oleh kedua-dua faktor domestik dan eksport, dengan prospek positif untuk baki tahun ini³.

Keadaan sosio-ekonomi yang rancak berterusan sepanjang suku tahun kedua 2024 apabila orang ramai memanfaatkan cuti panjang untuk mengadakan perhimpunan sosial dan meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga dan rakan-rakan. Hal ini membawa kepada peningkatan dalam perjalanan domestik, percutian pendek, dan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi untuk makanan tradisional, pakaian dan hadiah, di samping sokongan dasar yang lebih meluas seperti penyaluran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2, pengeluaran Akaun 3 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan BUDI MADANI. Akibatnya, sektor Perkhidmatan terutamanya dalam perdagangan runcit, penginapan, makanan & minuman dan pengangkutan menunjukkan prestasi perniagaan yang lebih baik berikutan peningkatan permintaan. Serentak dengan itu, ramai usahawan baharu dan sedia ada mengambil peluang untuk menjadi lebih kreatif dengan membangunkan pelbagai inovasi dan produk berkualiti untuk menarik pembeli, sama ada melancarkan perniagaan dalam talian mereka atau membuka gerai di pasar tempatan. Hasilnya, banyak perniagaan, terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), memulakan atau mengembangkan aktiviti mereka, menyumbang kepada keadaan ekonomi yang lebih sihat.

Ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 5.9 peratus pada ST2 2024 disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi berikutan keadaan pasaran buruh yang kekal positif dan sokongan dasar yang lebih meluas, peningkatan bagi eksport barangan, serta pengembangan yang kukuh dalam aktiviti pelaburan. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi. Sektor Perkhidmatan terus berkembang dengan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam perkhidmatan

1 *International Monetary Fund* (2024). *World Economic Outlook Update: The Global Economy in a Sticky Spot*

2 Bank Negara Malaysia (2024). *Economic & Monetary Review 2023*.

3 *Department of Statistics Malaysia* (2024). *Advance Gross Domestic Product (GDP) Estimates Second Quarter 2024*

berkaitan pengguna dan perniagaan. Prestasi yang menggalakkan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Kewangan & insurans, serta Pengangkutan & penyimpanan. Peningkatan ketara dalam sektor Pembuatan disumbangkan oleh industri berorientasikan eksport seperti produk Petroleum, kimia, getah & plastik dan produk Elektrik, elektronik & optikal. Sementara itu, pertumbuhan yang kukuh dalam sektor Pembinaan disokong oleh aktiviti yang lebih tinggi, terutamanya dalam Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Kejuruteraan awam. Pertumbuhan dalam sektor Pertanian pula didorong terutamanya oleh pengeluaran kelapa sawit yang lebih kukuh dan disokong oleh hasil perikanan. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah berikutan gangguan pengeluaran dalam subsektor minyak dan gas. Situasi semasa dijangka mengukuhkan permintaan pekerjaan, yang akan menjadi faktor penting dalam mengekalkan kestabilan ekonomi.

Perkembangan ini telah menyumbang kepada pasaran buruh yang stabil sepanjang suku tahun ini, mengekalkan kadar pengangguran pada 3.3 peratus, konsisten dengan purata prapandemik tahun 2019. Ini menandakan suku tahun ketiga berturut-turut pada kadar ini, mencerminkan kemajuan yang stabil disebabkan tenaga buruh yang semakin bertambah. Sementara itu, guna tenaga meningkat sebanyak 2.8 peratus tahun-ke-tahun berikutan permintaan yang berterusan untuk buruh. Oleh itu, penawaran buruh kekal menggalakkan berikutan kadar penyertaan tenaga buruh terus meningkat kepada 70.5 peratus pada ST2 2024. Dari segi permintaan buruh, bilangan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 1.5 peratus, manakala kekosongan jawatan meningkat marginal sebanyak 0.8 peratus berbanding suku sama tahun lepas. Ini menunjukkan bahawa lebih banyak peluang pekerjaan mungkin muncul di pasaran apabila eksport Malaysia bertambah baik seiring dengan potensi pelaburan yang masuk ke negara ini, yang akan membawa kepada penciptaan pekerjaan. Perlu diperhatikan, sebanyak 31.9 ribu jawatan baharu telah diwujudkan sepanjang suku tahun ini, yang membawa kepada lebih banyak peluang bagi orang ramai untuk memasuki pasaran pekerjaan pada ST2 2024.


2. PENAWARAN BURUH

2.1 Tenaga Buruh

Penawaran buruh terus menunjukkan momentum positif pada ST2 2024 dengan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat 0.5 mata peratus dari suku sama tahun sebelumnya kepada 70.5 peratus. Dalam tempoh yang sama, bilangan tenaga buruh terus meningkat 2.5 peratus (+421.5 ribu) tahun-ke-tahun berbanding 1.9 peratus yang direkod pada ST1 2024. Sementara itu, perbandingan dari suku tahun sebelumnya menunjukkan bilangan tenaga buruh meningkat 1.1 peratus (+186.6 ribu), manakala KPTB meningkat 0.3 mata peratus [Carta 2.1 & 2.2].

Carta 2.1:


Tenaga buruh dan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Carta 2.2:

Peratus perubahan tenaga buruh, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


Lelaki merangkumi lebih separuh daripada tenaga buruh negara meliputi sumbangan sebanyak 61.2 peratus atau 10.50 juta orang pada ST2 2024. Bilangan tersebut meningkat 2.5 peratus (+260.4 ribu) tahun-ke-tahun. Sementara itu, tenaga buruh perempuan yang terdiri daripada 38.8 peratus, merekodkan peningkatan 2.5 peratus (+161.2 ribu) kepada 6.65 juta orang pada suku tahun tersebut. Perbandingan suku tahunan, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan meningkat 1.1 peratus berbanding suku tahun sebelumnya [Carta 2.3].

Carta 2.3:


Taburan dan peratus perubahan tenaga buruh mengikut jantina, ST2 2024

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)
Tahunan Suku tahunan



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


Mengikut pecahan kumpulan umur, mereka berumur 25 hingga 34 tahun merangkumi komposisi terbesar tenaga buruh, meliputi sumbangan sebanyak 33.7 peratus atau 5.79 juta orang pada ST2 2024. Sementara itu, tenaga buruh dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun berada pada kedudukan kedua dengan 24.8 peratus atau bersamaan dengan 4.25 juta orang, diikuti oleh belia berumur 15 hingga 24 tahun dengan sumbangan 17.2 peratus atau 2.94 juta orang [Carta 2.4].

Carta 2.4:


Taburan dan peratus perubahan tenaga buruh kumpulan umur, ST2 2024

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)
Tahunan Suku tahunan



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


Semua kumpulan umur menunjukkan pertumbuhan positif tahun-ke-tahun dalam tenaga buruh. Pertumbuhan tertinggi direkodkan oleh kumpulan 55 hingga 64 tahun, dengan pertumbuhan 5.5 peratus (+70.7 ribu) pada ST2 2024. Kategori lain yang menunjukkan peningkatan dalam tenaga buruh adalah kumpulan umur 45 hingga 54 tahun dengan 3.7 peratus (+99.8 ribu), diikuti belia berumur 15 hingga 24 tahun yang meningkat 3.2 peratus (+91.8 ribu). Selain itu, bilangan tenaga buruh turut menunjukkan peningkatan yang positif suku-ke-suku semua kumpulan umur [Carta 2.4].

Selari dengan pengembangan tenaga buruh pada ST2 2024, KPTB lelaki meningkat 0.6 mata peratus dari suku sama tahun sebelumnya bagi mencatatkan 83.4 peratus. Dalam tempoh yang sama, KPTB perempuan naik 0.4 mata peratus, mencapai 56.6 peratus. Kedua-dua KPTB lelaki dan perempuan masing-masing turut meningkat 0.3 dan 0.2 mata peratus berbanding suku tahun sebelumnya. Malah, data menunjukkan bahawa KPTB lelaki secara purata kekal melebihi 80 peratus, hampir dua kali ganda kadar yang dicatatkan oleh perempuan. Dari segi penyertaan tenaga buruh mengikut kumpulan umur, dua kumpulan umur menunjukkan KPTB melebihi 80 peratus. KPTB tertinggi dapat dilihat dalam kalangan yang berumur 25 hingga 34 tahun pada 88.7 peratus, diikuti 84.4 peratus bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun. Tambahan pula, mereka berumur 45 hingga 54 tahun turut merekodkan KPTB yang agak tinggi pada 77.6 peratus, melebihi KPTB nasional. Sebaliknya, kumpulan umur 55 hingga 64 tahun mencatatkan kadar terendah iaitu 46.8 peratus. Belia berumur 15 hingga 24 tahun turut merekodkan KPTB yang rendah sebanyak 47.1 peratus tetapi terdapat peningkatan 1.0 mata peratus berbanding kadar setahun yang lalu.

Menariknya, pecahan terperinci bagi penyertaan tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur menunjukkan KPTB tertinggi adalah berbeza antara lelaki dan perempuan. Seperti yang dapat dilihat, KPTB lelaki melonjak melebihi 90.0 peratus bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan kekal tinggi sehingga kumpulan umur 45 hingga 54 tahun sebelum menurun bagi kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun. Pada ST2 2024, KPTB tertinggi direkodkan bagi lelaki berumur 35 hingga 44 tahun iaitu 97.3 peratus. Bagi perempuan, KPTB tertinggi adalah bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, mencatatkan kadar 79.9 peratus pada suku tahun tersebut. Walau bagaimanapun, KPTB perempuan berkurang bagi kumpulan umur yang lebih muda berbanding lelaki dan terus berkurang sejajar dengan peningkatan umur [Carta 2.5].

Carta 2.5:

Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


2. PENAWARAN BURUH

2.2 Situasi guna tenaga

Pada ST2 2024, bilangan penduduk bekerja meningkat dengan ketara kepada 2.8 peratus (+445.1 ribu) berbanding 2.1 peratus pada suku tahun sebelumnya untuk merekodkan kepada 16.59 juta orang. Lanjutan itu, keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan yang diukur oleh nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.7 mata peratus dari suku sama tahun sebelumnya kepada 68.2 peratus. Sementara itu, penduduk bekerja turut mencatatkan pertumbuhan suku-ke-suku yang tinggi sebanyak 1.2 peratus (+190.0 ribu) berbanding 0.3 peratus pada ST1 2024. Dalam tempoh yang sama, nisbah guna tenaga kepada penduduk mencatatkan kenaikan 0.3 mata peratus [Carta 2.6 & 2.7].

Carta 2.6:


Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Carta 2.7:

Peratus perubahan penduduk bekerja, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


Lelaki merangkumi lebih daripada separuh penduduk bekerja dengan sumbangan sebanyak 61.3 peratus atau 10.18 juta orang, manakala perempuan pula terdiri daripada 38.7 peratus atau bersamaan dengan 6.41 juta orang pada ST2 2024. Peningkatan bilangan penduduk bekerja dari suku sama tahun 2023 disokong oleh kenaikan bagi lelaki dan perempuan masing-masing 2.8 peratus (+276.8 ribu) dan 2.7 peratus (+168.3 ribu). Kedua-dua kategori ini juga mencatatkan peningkatan suku-ke-suku di mana bilangan penduduk bekerja lelaki meningkat 1.2 peratus manakala penduduk bekerja perempuan meningkat 1.1 peratus [Carta 2.8].

Carta 2.8:


Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut jantina, ST2 2024

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)
Tahunan Suku tahunan



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


Dari segi penduduk bekerja mengikut kumpulan umur, mereka berumur antara 25 hingga 34 tahun penyumbang terbesar sebanyak 34.1 peratus, mewakili 5.66 juta orang pada ST2 2024. Ini diikuti 25.3 peratus atau 4.19 juta orang dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun. Gabungan kedua-dua kategori ini merangkumi hampir dua pertiga daripada jumlah guna tenaga. Sementara itu, belia bekerja berumur 15 hingga 24 tahun menyumbang 16.0 peratus atau bersamaan dengan 2.65 juta orang, manakala kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun adalah seramai 1.31 juta orang yang merangkumi 7.9 peratus pada suku tahun tersebut [Carta 2.9].

Carta 2.9:


Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut kumpulan umur, ST2 2024

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)
Tahunan Suku tahunan



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Semua kumpulan umur mencatatkan pertumbuhan positif tahun-ke-tahun dalam guna tenaga pada ST2 2024, dan peningkatan tahunan yang lebih tinggi dalam bilangan penduduk bekerja dapat dilihat bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun dengan pertumbuhan 4.2 peratus, bertambah sebanyak 105.9 ribu orang. Sementara itu, kumpulan umur yang lebih tua 55 hingga 64 tahun turut dilihat mencatatkan peningkatan ketara 4.0 peratus (+50.1 ribu) dalam penduduk bekerja pada suku tahun tersebut, diikuti mereka berumur 45 hingga 54 tahun, yang meningkat 3.3 peratus (+87.2 ribu). Dalam tempoh yang sama, satu lagi kumpulan umur dengan pertumbuhan tahun-ke-tahun yang signifikan dalam penduduk bekerja adalah mereka berumur 25 hingga 34 tahun dan 35 hingga 44 tahun dengan masing-masing meningkat 2.8 peratus (+152.2 ribu) dan 1.2 peratus (+49.7 ribu). Tambahan pula, perubahan suku tahunan yang lebih tinggi dalam bilangan penduduk bekerja dilihat bagi kumpulan umur yang lebih tua 55 hingga 64 tahun, manakala empat kumpulan umur lain merekodkan pertumbuhan suku-ke-suku yang sederhana.



Bagi taburan mengikut pencapaian pendidikan, lebih separuh daripada penduduk bekerja mempunyai pendidikan menengah. Pada ST2 2024, kategori ini merangkumi 56.9 peratus, diikuti oleh hampir satu pertiga dengan pendidikan tertiar (31.5%). Selebihnya adalah dalam pendidikan rendah (8.8%) dan tiada pendidikan formal (2.7%). Pada ST2 2024, semua kategori bagi pencapaian pendidikan merekodkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja berbanding suku sama tahun sebelumnya, kecuali penduduk bekerja yang tiada pendidikan formal, berkurang 4.0 peratus (-19.1 ribu). Pada suku tahun tersebut, penduduk bekerja dengan pendidikan menengah berkembang 3.1 peratus (+286.0 ribu) tahun-ke-tahun kepada 9.44 juta orang, manakala mereka yang berpendidikan tertiar turut mencatatkan kenaikan 2.1 peratus (+110.1 ribu) kepada 5.23 juta orang. Di samping itu, bilangan penduduk bekerja yang mempunyai pendidikan rendah meningkat 4.9 peratus (+68.2 ribu) untuk merekodkan 1.47 juta orang pada ST2 2024. Sementara itu, peningkatan suku tahunan dalam bilangan penduduk bekerja adalah disebabkan oleh pertumbuhan positif bagi semua kategori pencapaian pendidikan [Carta 2.10].

Carta 2.10:

Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan, ST2 2024

■ Tertiar ■ Menengah ■ Rendah ■ Tiada pendidikan formal

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


Kebanyakan penduduk bekerja berada dalam kategori pekerjaan separuh mahir, merangkumi sumbangan sebanyak 59.1 peratus daripada jumlah guna tenaga. Bilangan penduduk bekerja dalam kategori ini meningkat 2.7 peratus (+260.0 ribu) tahun-ke-tahun kepada 9.81 juta orang pada ST2 2024. Hampir separuh daripada penduduk bekerja dalam kategori separuh mahir tertumpu dalam Pekerja perkhidmatan dan jualan (43.4%), merangkumi 4.26 juta orang [Carta 2.11 & Jadual 2.1].

Carta 2.11:

Taburan penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran dan pekerjaan, ST2 2024



Peratus sumbangan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Jadual 2.1:

Bilangan, peratus sumbangan & peratus perubahan penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran dan pekerjaan, ST2 2024

Tahap kemahiran	Pekerjaan	Penduduk bekerja ('000)	Peratus sumbangan kepada tahap kemahiran (%)	Peratus perubahan (%)	
				Tahunan	Suku tahunan
Mahir		4,591.2	100.0	1.7	0.5
	Pengurus	687.1	15.0	4.2	1.9
	Profesional	2,112.1	46.0	1.1	0.2
	Juruteknik dan profesional bersekutu	1,792.0	39.0	1.6	0.4
Separuh mahir		9,814.8	100.0	2.7	1.5
	Pekerja sokongan perkeranian	1,808.1	18.4	1.5	0.8
	Pekerja perkhidmatan dan jualan	4,261.5	43.4	3.9	2.0
	Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan	666.3	6.8	3.2	2.3
	Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	1,361.9	13.9	2.7	1.9
	Operator loji dan mesin serta pemasang	1,717.0	17.5	1.1	0.3
Berkemahiran rendah		2,185.0	100.0	5.1	1.1
	Pekerjaan asas	2,185.0	100.0	5.1	1.1

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Di samping itu, kategori pekerjaan mahir merangkumi 27.6 peratus daripada jumlah penduduk bekerja, meningkat 1.7 peratus (+78.8 ribu), merekodkan sejumlah 4.59 juta orang, manakala baki 13.2 peratus adalah dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah, meningkat 5.1 peratus (+106.0 ribu), menyumbang 2.19 juta penduduk bekerja. Begitu juga, perbandingan suku-ke-suku mendapati bahawa bilangan penduduk bekerja dalam kategori pekerjaan mahir meningkat 0.5 peratus (+22.6 ribu) dari ST1 2024. Sementara itu, penduduk bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah masing-masing meningkat sebanyak 1.5 peratus (+143.9 ribu) dan 1.1 peratus (+23.3 ribu).

Pecahan lanjut mengikut taraf pekerjaan menunjukkan bahawa kategori pekerja, yang terdiri daripada pekerja bergaji dalam sektor awam dan swasta, merupakan segmen terbesar dalam penduduk bekerja. Pada ST2 2024, kumpulan ini merangkumi 74.9 peratus daripada penduduk bekerja dan mengalami kenaikan 2.7 peratus tahun-ke-tahun (+330.3 ribu), menjadikan jumlahnya kepada 12.43 juta orang. Di samping itu, kategori majikan meliputi 3.6 peratus daripada jumlah guna tenaga mencatatkan peningkatan 2.0 peratus (+11.8 ribu), menjadikan jumlahnya seramai 597.0 ribu orang pada suku tahun tersebut.


Mereka yang bekerja sendiri meliputi pelbagai peranan, daripada pekerjaan tradisional sebagai petani, peruncit dan penjaja sehingga pekerjaan profesional seperti perunding dan bekerja bebas (*freelancers*), merangkumi 18.5 peratus atau 3.06 juta orang. Kategori ini terus merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 3.2 peratus (+95.2 ribu) tahun-ke-tahun. Sebaliknya, pekerja keluarga tanpa gaji merangkumi sumbangan 3.0 peratus, dengan 498.0 ribu orang dalam kategori ini. Ini mewakili peningkatan 1.6 peratus (+7.7 ribu) dari suku sama tahun sebelumnya. Berdasarkan perbandingan suku tahunan, semua kategori bagi taraf pekerjaan menunjukkan pertumbuhan positif pada ST2 2024 [Carta 2.12].

Carta 2.12:


Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, ST2 2024

■ Majikan ■ Pekerja ■ Bekerja sendiri ■ Pekerja keluarga tanpa gaji

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)
Tahunan Suku tahunan



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


2. PENAWARAN BURUH

2.3 Gambaran situasi guna tenaga tidak penuh

Pada ST2 2024, bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan masa atau mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta sanggup dan boleh menerima tambahan jam bekerja mencatatkan penurunan 8.9 peratus (-16.5 ribu) dari suku sama tahun sebelumnya untuk merekodkan 169.8 ribu orang. Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa berkurang 0.2 mata peratus tahun-ke-tahun kepada 1.0 peratus. Berdasarkan perbandingan suku tahunan, kumpulan ini berkurang 3.2 peratus (-5.6 ribu) manakala kadarnya turut berkurang 0.1 mata peratus [Carta 2.13 & 2.14].

Carta 2.13:


Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Carta 2.14:

Peratus perubahan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2021 – ST2 2024




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Satu lagi dimensi guna tenaga tidak penuh dikaitkan dengan kemahiran atau secara umumnya didefinisikan sebagai golongan yang ingin mengubah situasi pekerjaan semasa mereka bagi memanfaatkan sepenuhnya kemahiran mereka dalam pekerjaan. Berdasarkan ketersediaan data dari Survei Tenaga Buruh (STB), indikator ini diukur menggunakan proksi pemboleh ubah pekerjaan dan pencapaian pendidikan. Pada ST2 2024, bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat 1.1 peratus atau bertambah seramai 21.3 ribu, namun pada kadar yang lebih perlahan berbanding suku sama tahun sebelumnya, untuk merekodkan 1.94 juta orang. Walau bagaimanapun, peratus sumbangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar yang bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah terus berkurang sebanyak 0.4 mata peratus kepada 37.0 peratus.

Perbandingan dengan suku tahun sebelumnya, mereka yang berada dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat marginal 0.2 peratus (4.6 ribu), manakala kadarnya turut berkurangan 0.1 mata peratus. Walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam bilangannya penduduk bekerja ini, pada hakikatnya lebih satu pertiga daripada penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar berada dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah [Carta 2.15 & 2.16].

Carta 2.15:


Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Carta 2.16:

Peratus perubahan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


2. PENAWARAN BURUH

2.4 Kedudukan pengangguran negara

Pada ST2 2024, bilangan penganggur berkurang 4.1 peratus (-23.6 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya kepada 557.8 ribu orang. Begitu juga, kadar pengangguran negara berada pada 3.3 peratus, selepas mencatatkan penurunan 0.2 mata peratus tahun-ke-tahun. Trend yang sama berterusan daripada suku tahun sebelumnya, di mana bilangan penganggur menurun 0.6 peratus (-3.3 ribu), manakala kadar pengangguran kekal tidak berubah untuk tiga suku tahun berturut-turut, mencerminkan kemajuan yang stabil berikutan peningkatan tenaga buruh [Carta 2.17 & 2.18].

Carta 2.17:


Penganggur dan kadar pengangguran, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Carta 2.18:

Peratus perubahan penganggur, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Penganggur lelaki merangkumi lebih separuh (57.9%) daripada jumlah pengangguran berbanding 42.1 peratus penganggur perempuan. Penurunan tahun-ke-tahun bagi pengangguran pada ST2 2024 adalah disebabkan oleh kedua-dua jantina, di mana bilangan penganggur lelaki berkurang 4.8 peratus (-16.4 ribu) berbanding suku sama tahun 2023, yang menyumbang 322.7 ribu orang. Sementara itu, penganggur perempuan berkurang 3.0 peratus (-7.1 ribu) kepada 235.1 ribu orang. Kedua-dua lelaki dan perempuan masing-masing mencatatkan sedikit penurunan 0.5 peratus (-1.8 ribu) dan 0.7 peratus (-1.5 ribu) berbanding suku tahun sebelumnya [Carta 2.19].

Carta 2.19:


Taburan dan peratus perubahan penganggur mengikut jantina, ST2 2024

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (ribu)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


Pengangguran sebahagian besarnya tertumpu dalam kumpulan umur belia 15 hingga 24 tahun, meliputi sumbangan sebanyak 52.3 peratus atau bersamaan dengan 291.6 ribu orang pada ST2 2024, diikuti 21.6 peratus atau 120.5 ribu orang dalam kumpulan umur 25 hingga 34 tahun. Kedua-dua kumpulan ini merangkumi lebih 70 peratus daripada penganggur, yang dapat dilihat dalam kumpulan umur muda. Sementara itu, penganggur berumur 45 hingga 54 tahun mencatatkan sumbangan terendah sebanyak 7.5 peratus atau 41.8 ribu orang pada suku tahun tersebut [Carta 2.20].

Carta 2.20:


Taburan dan peratus perubahan penganggur mengikut kumpulan umur, ST2 2024

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)
[Orang (ribu)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


Merentasi semua kumpulan umur, bilangan penganggur pada ST2 2024 menurun berbanding suku sama tahun sebelumnya, kecuali bagi kumpulan umur 35 hingga 64 tahun. Penurunan paling ketara direkodkan oleh mereka berumur 25 hingga 34 tahun, dengan pengurangan 27.3 peratus (-45.2 ribu) tahun-ke-tahun, diikuti oleh penganggur belia berumur 15 hingga 24 tahun, turun 4.6 peratus (+14.1 ribu) pada ST2 2024. Berbanding suku tahun sebelumnya, bilangan penganggur dalam semua kumpulan umur berkurang kecuali bagi kumpulan umur 45 hingga 54 dan 55 hingga 64 tahun, yang merekodkan pertumbuhan positif suku-ke-suku.

Walaupun bilangan penganggur lelaki lebih ramai berbanding perempuan, kadar pengangguran bagi perempuan adalah lebih tinggi daripada lelaki. Pada ST2 2024, kadar pengangguran perempuan adalah 3.5 peratus, 0.4 mata peratus lebih tinggi daripada lelaki iaitu pada kadar 3.1 peratus. Kedua-dua mencatatkan kadar yang lebih rendah berbanding suku sama tahun sebelumnya, dengan kadar pengangguran bagi lelaki dan perempuan berkurang 0.2 mata peratus. Berbanding suku tahun sebelumnya, kadar pengangguran bagi lelaki kekal sama, manakala bagi perempuan ianya berkurang 0.1 mata peratus.

Penurunan kadar pengangguran pada ST2 2024 berbanding suku sama tahun sebelumnya diperhatikan bagi mereka berumur 15 hingga 24 tahun dan 25 hingga 34 tahun, di mana kedua-dua kumpulan ini berkurang 0.8 mata peratus. Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah 9.9 peratus pada ST2 2024, kembali ke tahap prapandemik pada ST4 2019 dan menamatkan rentetan kadar dua digit yang berterusan sejak itu. Kadar pengangguran bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun kekal tidak berubah pada suku tahun tersebut. Selain itu, kadar pengangguran bagi kumpulan umur 45 hingga 54 tahun dan 55 hingga 64 tahun masing-masing mengalami peningkatan 0.4 dan 1.4 mata peratus berbanding suku sama pada tahun 2023 [Carta 2.21].

Carta 2.21:

Kadar pengangguran mengikut jantina dan kumpulan umur, ST1 2021 – ST2 2024




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Secara keseluruhan, penganggur aktif membentuk hampir 90 peratus daripada jumlah pengangguran di Malaysia. Pada ST2 2024, sumbangannya adalah sebanyak 80.7 peratus yang bersamaan 450.1 ribu orang. Kategori ini mengalami penurunan 8.8 peratus (-43.3 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan penganggur tidak aktif merekodkan peningkatan 22.4 peratus (+19.7 ribu) kepada 107.7 ribu orang [Carta 2.22].

Carta 2.22:

Taburan dan peratus perubahan penganggur aktif dan tidak aktif, ST1 2021 – ST2 2024




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Bagi tempoh menganggur, lebih separuh daripada penganggur aktif menganggur kurang dari tiga bulan, dengan sumbangan 65.0 peratus atau bersamaan 292.4 ribu orang. Sementara itu, mereka yang menganggur jangka panjang atau menganggur lebih daripada satu tahun merangkumi 7.6 peratus atau 34.3 ribu orang pada ST2 2024. Secara keseluruhan, bilangan penganggur aktif mengikut tempoh menganggur merekodkan penurunan tahun-ke-tahun dan suku-ke-suku untuk semua kategori [Carta 2.23].

Carta 2.23:

Taburan dan peratus perubahan penganggur aktif mengikut tempoh menganggur, ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


2. PENAWARAN BURUH

2.5 Luar tenaga buruh

Beralih kepada mereka dalam kumpulan tidak aktif, yang juga dikenali sebagai luar tenaga buruh, ST2 2024 menyaksikan bilangan orang dalam kategori ini meningkat secara marginal 0.1 peratus (+8.6 ribu) tahun-ke-tahun kepada 7.19 juta orang. Walau bagaimanapun, bilangan luar tenaga buruh menurun 0.1 peratus (-5.2 ribu) berbanding suku tahun sebelumnya. Oleh sebab penurunan ini berlaku seiring dengan peningkatan dalam bilangan tenaga buruh, maka ianya memberi isyarat bahawa lebih ramai orang menyertai pasaran pekerjaan berbanding ST1 2024 [Carta 2.24].

Carta 2.24:

Luar tenaga buruh, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM



Majoriti penduduk luar tenaga buruh adalah perempuan pada ST2 2024. Sumbangan luar tenaga buruh perempuan adalah sebanyak 70.8 peratus atau bersamaan 5.09 juta orang. Sementara itu, lelaki merangkumi 2.10 juta orang atau 29.2 peratus daripada luar tenaga buruh. Berbanding suku sama tahun sebelumnya, bilangan luar tenaga buruh lelaki turun 1.1 peratus (-23.9 ribu), manakala perempuan meningkat 0.6 peratus (+32.5 ribu). Trend yang sama dapat dilihat pada perubahan suku tahunan di mana bilangan luar tenaga buruh lelaki berkurang 0.5 peratus (-9.5 ribu), manakala perempuan meningkat sedikit 0.1 peratus (+4.3 ribu) pada ST2 2024 [Carta 2.25].

Carta 2.25:

Taburan dan peratus perubahan luar tenaga buruh mengikut jantina, ST2 2024

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Melihat kepada taburan luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur pada ST2 2024, hampir separuh adalah belia berumur 15 hingga 24 tahun, dengan kategori ini merangkumi 46.0 peratus atau bersamaan 3.31 juta orang. Kumpulan ini kebanyakannya terdiri daripada mereka yang masih dalam dalam sistem pendidikan atau sedang menjalani program latihan. Sementara itu, kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun yang mungkin berada di luar tenaga buruh disebabkan oleh persaraan atau usia tua, berada pada kedudukan kedua dari segi komposisi dan menyumbang 21.5 peratus atau 1.54 juta orang pada suku tahun tersebut.



Dari segi perbandingan tahun-ke-tahun, dua kumpulan umur menunjukkan peningkatan dalam bilangan luar tenaga buruh. Kumpulan umur 35 hingga 44 tahun meningkat 14.2 peratus (+97.3 ribu), manakala mereka berumur 55 hingga 64 tahun meningkat 0.5 peratus (+7.7 ribu) pada ST2 2024. Dalam tempoh yang sama, tiga kumpulan umur lain mencatatkan penurunan dalam bilangan luar tenaga buruh. Kumpulan umur belia 15 hingga 24 tahun berkurang 0.7 peratus (-24.4 ribu), manakala mereka berumur 25 hingga 34 tahun dan 45 hingga 54 tahun masing menurun sebanyak 3.9 peratus (-29.6 ribu) dan 5.0 peratus (-42.5 ribu). Namun begitu, kumpulan umur pertengahan iaitu 35 hingga 44 tahun menyaksikan peningkatan suku tahunan dalam bilangan luar tenaga buruh, manakala empat kumpulan umur lain merekodkan penurunan dalam pertumbuhan suku-ke-suku [Carta 2.27].

Carta2.26:

Taburan dan peratus perubahan luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST2 2024

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Analisis tambahan mengikut kumpulan umur menunjukkan corak yang berbeza antara luar tenaga buruh bagi lelaki dan perempuan. Secara khusus, belia berumur 15 hingga 24 tahun merangkumi lebih separuh (66.2%) daripada luar tenaga buruh lelaki pada ST2 2024, diikuti hampir satu per empat lagi (21.0%) berada dalam kumpulan umur lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun. Hal ini berkemungkinan kerana kemasukan lelaki ke dalam pasaran pekerjaan lebih lewat disebabkan oleh faktor pendidikan, manakala kebanyakan mereka yang keluar dari pasaran pekerjaan adalah disebabkan persaraan.

Begitu juga, kumpulan umur belia mempunyai komposisi yang tinggi bagi luar tenaga buruh perempuan iaitu 37.7 peratus, diikuti kumpulan umur yang lebih tua 55 hingga 64 tahun (21.7%). Namun begitu, gabungan peratus sumbangan kedua-duanya, iaitu 59.4 peratus adalah jauh lebih rendah berbanding sumbangan lelaki dalam kumpulan umur yang sama (87.2%). Hal ini mendorong


kepada peratus sumbangan yang ketara bagi luar tenaga buruh perempuan merentasi kumpulan umur lain, iaitu antara 12.1 peratus hingga 14.4 peratus, justeru menunjukkan bahawa perempuan lebih cenderung untuk keluar daripada pasaran pekerjaan lebih awal berbanding lelaki [Carta 2.27].

Carta 2.27:

Taburan luar tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, ST2 2024

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Dalam kalangan luar tenaga buruh, komposisi terbesar sebanyak 44.2 peratus tidak mencari pekerjaan pada ST2 2024 disebabkan oleh kerja rumah atau tanggungjawab keluarga. Bilangan dalam kategori ini menurun 0.5 peratus (-16.8 ribu) tahun-ke-tahun untuk merekodkan 3.18 juta orang. Satu lagi kumpulan yang menyumbang peratus yang agak ketara iaitu 41.7 peratus atau bersamaan 3.00 juta orang luar tenaga buruh disebabkan oleh masih bersekolah atau masih dalam program latihan. Berbanding suku sama tahun 2023, bilangan dalam kategori ini meningkat 1.4 peratus (-42.7 ribu).

Selain itu, sumbangan sebanyak 1.6 peratus luar tenaga buruh yang tidak mencari kerja kerana mereka akan melanjutkan pelajaran berkurang 13.6 peratus (-20.0 ribu) tahun-ke-tahun kepada 116.0 ribu orang, menunjukkan kumpulan ini berpotensi menyertai tenaga buruh apabila menamatkan pengajian mereka. Peratus terendah sebab tidak mencari kerja adalah disebabkan tidak berminat atau baru tamat pengajian, yang menyumbang 0.5 peratus atau 32.6 ribu orang pada ST2 2024 [Paparan 2.1].

Paparan 2.1:

Taburan dan peratus perubahan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari kerja, ST2 2024

	ST2 2024 Orang ('000) (Peratus sumbangan)	Peratus perubahan (tahun-ke-tahun)	
		Peratus perubahan (suku-ke-suku)	
Bersekolah/ program latihan	2,998.2 (41.7%)	▲ 1.4%	ST2 2023: 2,955.5 (41.2%) ▲ 0.3% ST1 2024: 2,990.4 (41.6%)
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga	3,178.3 (44.2%)	▼ -0.5%	ST2 2023: 3,195.1 (44.5%) ▲ 0.4% ST1 2024: 3,165.5 (44.0%)
Melanjutkan pelajaran	116.0 (1.6%)	▼ -13.6%	ST2 2023: 134.2 (1.9%) ▲ 7.1% ST1 2024: 108.3 (1.5%)
Kurang upaya	190.3 (2.6%)	▼ -0.8%	ST2 2023: 191.9 (2.7%) ▼ -3.6% ST1 2024: 197.5 (2.7%)
Tidak berminat/ baru tamat pengajian	32.6 (0.5%)	▼ -35.7%	ST2 2023: 50.7 (0.7%) ▲ 6.2% ST1 2024: 30.7 (0.4%)
Bersara/ lanjut usia	673.4 (9.4%)	▲ 3.1%	ST2 2023: 652.8 (9.1%) ▼ -4.0% ST1 2024: 701.6 (9.8%)

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

2. PENAWARAN BURUH


2.6 Situasi tenaga buruh mengikut negeri

Berhubung kedudukan tenaga buruh di peringkat negeri pada ST2 2024, tujuh negeri mencatatkan KPTB lebih tinggi berbanding 70.5 peratus yang direkodkan di peringkat nasional, iaitu Selangor (76.3%), W.P. Kuala Lumpur (75.4%), Pulau Pinang (73.5%), W.P. Putrajaya (73.4%), Johor (71.4%), Sabah (71.4%) and Sarawak (71.2%).

Jika dibandingkan dengan suku sama tahun sebelumnya, kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan KPTB kecuali Selangor, W.P. Putrajaya, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu. Pada ST2 2024, W.P. Kuala Lumpur merekodkan perbezaan tahunan positif tertinggi bagi KPTB sebanyak 2.3 mata peratus kepada 75.4 peratus, manakala baki sepuluh negeri yang lain menunjukkan peningkatan KPTB antara 0.6 dan 1.8 mata peratus. Sementara itu, KPTB bagi Kedah kekal sama berbanding suku sama tahun lepas. Trend ini menunjukkan lebih banyak penyertaan bagi penduduk umur bekerja di negeri masing-masing dalam tenaga buruh, sama ada yang sedang bekerja atau sedang mencari pekerjaan [Carta 2.28].

Carta 2.28:

Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri, ST2 2024




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Pada ST2 2024, jumlah guna tenaga di Malaysia meningkat 2.8 peratus. Peningkatan bilangan penduduk bekerja pada suku tahun tersebut adalah disebabkan oleh pertumbuhan positif tahun-ke-tahun yang direkodkan kebanyakan negeri kecuali Pahang, Negeri Sembilan and W.P. Putrajaya. Selangor yang meliputi 23.5 peratus daripada jumlah guna tenaga, memperoleh pertambahan bilangan penduduk bekerja yang ketara sebanyak 2.8 peratus (+105.5 ribu) kepada 3.90 juta orang. Ini diikuti Sabah dengan sumbangan 12.6 peratus atau 2.08 juta penduduk bekerja selepas peningkatan 2.2 peratus (+45.7 ribu) tahun-ke-tahun.

Sebaliknya, bilangan penduduk bekerja di Pahang yang merangkumi 4.4 peratus daripada guna tenaga negara, berkurang 1.3 peratus berbanding suku sama tahun lepas untuk merekodkan 735.9 ribu orang. Sementara itu, bilangan penduduk bekerja di Negeri Sembilan dan W.P. Putrajaya masing-masing mencatatkan penurunan 0.6 peratus (-3.1 ribu) dan 5.0 peratus (-1.9 ribu) [Carta 2.29].

Carta 2.29:

Guna tenaga mengikut negeri, ST2 2024



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Melihat kepada situasi pengangguran mengikut negeri pada ST2 2024, kadar pengangguran terendah dicatatkan oleh Kedah pada 1.7 peratus. Negeri lain dengan kadar pengangguran di bawah dua peratus pada suku tahun tersebut ialah Pulau Pinang dan Selangor, kedua-duanya pada 1.8 peratus. Selain daripada tiga negeri ini, tujuh negeri lain mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah berbanding kadar pengangguran nasional (3.3%), dalam lingkungan 2.1 peratus hingga 2.9 peratus. Sementara itu, di antara enam negeri yang mencatatkan kadar pengangguran melebihi 3.3 peratus, Sabah kekal dengan kadar pengangguran tertinggi pada 8.0 peratus selari dengan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 0.5 mata peratus pada suku tahun tersebut.

Sebelas negeri merekodkan penurunan bilangan penganggur berbanding suku sama tahun sebelumnya. Selangor mengalami pengurangan bilangan penganggur yang paling ketara, berkurang 24.2 peratus (-23.1 ribu) kepada 72.2 ribu orang. Walaupun berlaku penurunan bagi pengangguran secara keseluruhan, tujuh negeri mencatatkan peningkatan dalam bilangan penganggur berbanding tahun sebelumnya. Antara pertambahan tertinggi adalah di Sabah, yang meningkat 9.6 peratus (+15.9 ribu) kepada 181.5 ribu orang, diikuti Perak dengan kenaikan 10.6 peratus (+3.9 ribu) untuk merekodkan 40.1 ribu penganggur pada ST2 2024 [Jadual 2.2].

Jadual 2.2:

Pengangguran mengikut negeri, ST2 2024

Negeri	Kadar pengangguran		Penganggur		
	Peratus (%)	Perbezaan mata peratus tahunan (%)	Orang ('000)	Peratus perubahan tahunan (%)	Perbezaan tahunan ('000)
Sabah	8.0	0.5	181.5	9.6	15.9
W.P. Labuan	6.9	-0.4	3.6	-5.6	-0.2
Terengganu	3.7	-0.8	20.0	-15.0	-3.6
Kelantan	3.6	-0.3	31.1	-1.9	-0.7
Perak	3.5	0.3	40.1	10.6	3.9
Sarawak	3.5	-0.1	52.3	-1.6	-0.8
Malaysia	3.3	-0.2	557.8	-4.1	-23.6
W.P. Kuala Lumpur	2.9	-0.5	26.9	-8.5	-2.5
Pahang	2.6	-0.2	19.8	-8.2	-1.8
Johor	2.5	0.1	49.0	6.6	3.0
Perlis	2.3	0.1	2.8	5.2	0.1
Melaka	2.2	-0.5	10.1	-16.1	-2.0
Negeri Sembilan	2.1	-0.2	11.2	-6.6	-0.7
W.P. Putrajaya	2.1	1.6	0.8	278.2	0.6
Pulau Pinang	1.8	-0.3	17.8	-11.7	-2.3
Selangor	1.8	-0.7	72.2	-24.2	-23.1
Kedah	1.7	-0.9	18.7	-33.4	-9.3

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM


3. PERMINTAAN BURUH

3.1 Jawatan dalam sektor ekonomi

Permintaan buruh terus menunjukkan trend menaik pada ST2 2024 dengan bilangan jawatan dalam sektor ekonomi mencatatkan peningkatan 1.5 peratus (+128.8 ribu) tahun-ke-tahun untuk merekodkan sejumlah 8.96 juta jawatan. Secara suku tahunan, bilangan jawatan meningkat secara marginal 0.2 peratus (+18.5 ribu), mencerminkan pertumbuhan yang stabil dalam permintaan buruh pada suku tahun tersebut [Carta 3.1].

Carta 3.1:

Bilangan dan peratus perubahan jawatan, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2024, DOSM


Pada ST2 2024, jawatan diisi meningkat 1.5 peratus (+127.5 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya kepada 8.76 juta jawatan diisi. Begitu juga, bilangan ini turut meningkat 0.2 peratus (+19.0 ribu) berbanding suku tahun sebelumnya.

Bagi peluang pekerjaan dalam ekonomi, bilangan kekosongan jawatan naik 0.8 peratus (+1.6 ribu) tahun-ke-tahun untuk merekodkan 191.4 ribu kekosongan pada ST2 2024. Sebaliknya, penurunan kecil 0.2 peratus (-0.4 ribu) dapat dilihat berbanding suku sebelumnya selepas mencatatkan peningkatan 0.8 peratus pada ST1 2024.

Kadar jawatan diisi adalah 97.9 peratus pada ST2 2024, meningkat 0.1 mata peratus tahun-ke-tahun dan kekal sama seperti suku tahun sebelumnya. Seajar dengan itu, kadar kekosongan kepada jumlah jawatan turun 0.1 mata peratus pada suku tahun tersebut untuk mencatatkan kadar 2.1 peratus [Carta 3.2].

Carta 3.2:

Bilangan, peratus perubahan dan kadar jawatan diisi & kekosongan, ST1 2021 – ST2 2024




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2024, DOSM

Analisis selanjutnya mengikut sektor ekonomi menunjukkan pertumbuhan tahunan yang positif bagi jawatan disebabkan oleh peningkatan bilangan jawatan dalam semua sektor. Trend permintaan buruh yang menggalakkan ini digambarkan melalui pertambahan bilangan jawatan diisi dalam semua sektor walaupun terdapat pengurangan kekosongan jawatan bagi sektor Perkhidmatan berbanding suku sama tahun sebelumnya [Carta 3.3].

Carta 3.3:

Peratus perubahan tahunan jawatan, jawatan diisi & kekosongan mengikut sektor ekonomi, ST1 2024 & ST2 2024




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2024, DOSM

Carta 3.4:

Peratus sumbangan jawatan, jawatan diisi & kekosongan dan kadar jawatan diisi & kekosongan mengikut sektor ekonomi, ST2 2024

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2024, DOSM

Kebanyakan jawatan tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, menyumbang 51.9 peratus atau 4.65 juta jawatan pada ST2 2024, menunjukkan pertumbuhan tahun-ke-tahun sebanyak 1.6 peratus (+71.2 ribu). Pertumbuhan ini didorong oleh pertambahan jawatan dalam semua subsektor, terutamanya dalam subsektor Perdagangan borang & runcit (2.4%; +40.5 ribu). Melihat kepada taburan jawatan mengikut subsektor bagi Perkhidmatan, lebih 70 peratus daripada jawatan dalam sektor ini adalah dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (37.1%), Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (20.2%) dan Makanan & minuman dan penginapan (17.3%).

Daripada jumlah jawatan dalam sektor Perkhidmatan, jawatan diisi merangkumi 99.5 peratus atau bersamaan 4.62 juta jawatan diisi selepas mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 1.6 peratus (+73.5 ribu) pada ST2 2024. Semua subsektor merekodkan kadar melebihi 99 peratus, dengan kadar jawatan diisi tertinggi dicatatkan bagi subsektor Makanan & minuman dan penginapan (99.8%), manakala kadar terendah adalah dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (99.0%). Kekosongan jawatan bagi sektor Perkhidmatan merangkumi 0.5 peratus daripada jumlah jawatan atau 24.7 ribu kekosongan, menunjukkan penurunan 8.9 peratus (-2.4 ribu) berbanding suku sama tahun lepas. Kekosongan ini kebanyakannya adalah dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (38.6%) dan Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (37.2%).

Pada masa yang sama, jawatan dalam sektor Pembuatan terdiri daripada 27.5 peratus atau 2.46 juta jawatan, berada pada kedudukan kedua selepas sektor Perkhidmatan. Sektor ini mencatatkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 1.2 peratus (+30.1 ribu) pada ST2 2024, berikutan pertumbuhan positif dalam semua subsektor kecuali bagi subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (-1.2%; -7.5 ribu). Pertambahan tertinggi bagi bilangan jawatan bagi sektor Pembuatan direkodkan oleh subsektor pemprosesan Makanan, minuman & produk tembakau (6.2%; +20.2 ribu). Selain itu, jawatan dalam sektor Pembuatan sebahagian besarnya tertumpu dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (26.3%), diikuti Produk petroleum, kimia,

getah & plastik (18.3%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (15.3%). Ketiga-tiga subsektor ini menyumbang hampir dua per tiga daripada jawatan dalam sektor Pembuatan.

Kadar jawatan diisi bagi sektor Pembuatan kekal pada 95.6 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya. Dalam tempoh yang sama, bilangan ini meningkat 1.3 peratus (+29.7 ribu) untuk merekodkan 2.35 juta jawatan diisi. Subsektor produk tekstil, pakaian & kulit mencatatkan kadar jawatan diisi tertinggi pada 96.6 peratus, manakala subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal mencatatkan kadar terendah pada 94.8 peratus. Kekosongan jawatan dalam sektor Pembuatan menyumbang 108.3 ribu, merangkumi 56.6 peratus jawatan bagi sektor Pembuatan. Bilangan kekosongan dalam sektor ini meningkat marginal 0.3 peratus (+0.4 ribu) dengan semua subsektor menunjukkan peningkatan bagi kekosongan jawatan kecuali subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik (-1.7%; -0.3 ribu) dan Produk elektrik, elektronik & optikal (-1.8%; -0.6 ribu). Hampir separuh daripada kekosongan jawatan tertumpu dalam dua subsektor iaitu Produk elektrik, elektronik & optikal (31.0%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (17.8%).

Jawatan dalam sektor Pembinaan meliputi 14.1 peratus daripada jumlah jawatan pada ST2 2024, meningkat 0.7 peratus (+8.6 ribu) untuk merekodkan 1.27 juta jawatan berbanding suku sama tahun sebelumnya. Kadar jawatan diisi bagi sektor ini adalah 97.9 peratus manakala kadar kekosongan adalah 2.1 peratus pada suku tahun tersebut. Selain itu, jawatan dalam sektor Pertanian merangkumi 5.6 peratus atau 500.7 ribu jawatan pada ST2 2024, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian meliputi sumbangan terendah 0.9 peratus atau bersamaan dengan 80.6 ribu jawatan. Sektor ini masing-masing menunjukkan peningkatan 3.9 peratus (+18.7 ribu) dan 0.4 peratus (+0.3 ribu) berbanding ST2 2023. Sektor Perlombongan & pengkuarian secara konsisten merekodkan kadar jawatan diisi tertinggi pada 99.2 peratus, menunjukkan bilangan kekosongan terendah pada suku tahun tersebut. Sebagai perbandingan, sektor Pertanian mencatatkan kadar jawatan diisi sebanyak 93.7 peratus, menunjukkan kadar kekosongan tertinggi 6.3 peratus pada ST2 2024.


Berhubung permintaan buruh mengikut tahap kemahiran pada ST2 2024, bilangan jawatan bagi kategori mahir dan separuh mahir bertambah, manakala kategori berkemahiran rendah terus berkurang berbanding setahun yang lalu, walaupun pada kadar yang lebih kecil iaitu negatif 0.1 peratus [Carta 3.5].

Carta 3.5:

Peratus perubahan tahunan jawatan, jawatan diisi & kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST1 2024 & ST2 2024

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ◆ Kekosongan

Peratus perubahan (%)




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2024, DOSM

Carta 3.6:

Peratus sumbangan jawatan, jawatan diisi & kekosongan dan kadar jawatan diisi & kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST2 2024

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2024, DOSM

Majoriti jawatan dalam sektor ekonomi adalah dalam kategori separuh mahir, dengan sumbangan 62.5 peratus atau bersamaan 5.60 juta jawatan pada ST2 2024. Lima pekerjaan dalam kategori ini terdiri daripada Pekerja sokongan perkeranian; Pekerja perkhidmatan dan jualan; Pekerja mahir pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan; Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan Operator mesin dan loji. Berbanding suku sama tahun sebelumnya, jawatan dalam kategori ini meningkat 1.7 peratus (+92.6 ribu). Selain itu, kadar jawatan diisi bagi kategori separuh mahir adalah 98.1 peratus atau menyumbang sebanyak 5.49 juta jawatan diisi, yang meningkat 1.7 peratus (+91.0 ribu jawatan) tahun-ke-tahun. Dalam tempoh yang sama, bilangan kekosongan jawatan dalam kategori ini naik 1.5 peratus (+1.6 ribu) untuk merekodkan 106.8 ribu kekosongan dengan kadar kekosongan 1.9 peratus.

Jawatan mahir yang meliputi sumbangan sebanyak 25.1 peratus pada ST2 2024, merangkumi tiga kategori pekerjaan iaitu Pengurus; Profesional; dan Juruteknik dan profesional bersekutu. Bilangan jawatan mahir meningkat 1.7 peratus (+37.7 ribu) tahun-ke-tahun kepada 2.24 juta pada suku tahun ini. Sehubungan itu, bilangan jawatan diisi dalam kategori mahir naik 1.8 peratus (+38.5 ribu) untuk merekodkan 2.19 juta jawatan diisi. Walau bagaimanapun, kekosongan jawatan mahir turun 1.7 peratus (-0.8 ribu), mencatatkan 48.0 ribu kekosongan. Kadar jawatan diisi bagi kategori mahir adalah 97.9 peratus manakala kadar kekosongan adalah 2.1 peratus.

Namun begitu, baki 12.4 peratus jawatan adalah dalam kategori berkemahiran rendah, yang berkurangan 0.1 peratus (-1.5 ribu) kepada 1.11 juta jawatan. Selari dengan itu, bilangan jawatan diisi berkemahiran rendah menurun 0.2 peratus (-2.3 ribu) kepada 1.08 juta, mencatatkan kadar jawatan diisi pada 96.7 peratus pada ST2 2024. Selain itu, kekosongan jawatan berkemahiran rendah meningkat 2.3 peratus (+0.8 ribu) kepada 36.7 ribu, mencatatkan kadar kekosongan 3.3 peratus.


3. PERMINTAAN BURUH

3.2 Pewujudan jawatan

Pada ST2 2024, bilangan pewujudan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat secara marginal 0.5 peratus (+0.2 ribu) tahun-ke-tahun berbanding 1.3 peratus pada suku tahun sebelumnya untuk merekodkan 31.9 ribu jawatan. Walau bagaimanapun, bilangan ini mencatatkan pertumbuhan negatif suku tahunan 0.9 peratus (-0.3 ribu) daripada 32.1 ribu pada ST1 2024 [Carta 3.7].

Carta 3.7:

Bilangan dan peratus perubahan pewujudan jawatan, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2024, DOSM

Pewujudan jawatan sebahagian besarnya adalah dalam sektor Perkhidmatan, merangkumi 49.8 peratus atau bersamaan dengan 15.9 ribu jawatan, mencatatkan pengurangan 2.5 peratus (-0.4 ribu) pada ST2 2024. Dalam sektor ini, subsektor Perdagangan borong & runcit memainkan peranan penting dengan menyumbang 8.7 ribu pewujudan jawatan, diikuti subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan dengan 2.9 ribu jawatan.

Sektor Pembuatan di kedudukan kedua dengan sumbangan 33.9 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST2 2024, meningkat 7.5 peratus (+0.8 ribu) untuk mencatatkan 10.8 ribu pewujudan jawatan. Gabungan sumbangan dua subsektor yang meliputi lebih separuh daripada pewujudan jawatan dalam sektor Pembuatan adalah subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (35.9%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (25.4%).



Di samping itu, terdapat peningkatan dalam pewujudan jawatan bagi sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan pada ST2 2024 dengan masing-masing merekodkan 0.2 ribu dan 3.7 ribu pewujudan jawatan. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian merangkumi 4.0 peratus pewujudan jawatan pada suku tahun ini, bersamaan dengan 1.3 ribu jawatan, mencatatkan penurunan 22.3 peratus (-0.4 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya. Perbandingan suku tahun sebelumnya, bilangan pewujudan jawatan mencatatkan penurunan bagi tiga sektor ekonomi, iaitu Pertanian, Pembinaan dan Perkhidmatan [Carta 3.8].

Carta 3.8:

Taburan dan peratus perubahan pewujudan jawatan mengikut sektor ekonomi, ST2 2024

■ Pertanian ■ Perlombongan & pengkuarian ■ Pembuatan ■ Pembinaan ■ Perkhidmatan

Peratus sumbangan (%)
[Orang (ribu)]



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2024, DOSM



Melihat kepada pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, lebih separuh atau 62.9 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST2 2024 tertumpu dalam kategori separuh mahir, yang menyumbang 20.0 ribu jawatan. Dari segi perubahan tahunan, bilangan pewujudan jawatan dalam kategori ini meningkat 2.2 peratus (+0.4 ribu). Kategori mahir berada di kedudukan kedua dengan komposisi hampir satu pertiga (26.7%) daripada jumlah pewujudan jawatan, mencatatkan pertumbuhan tahunan negatif 7.3 peratus (-0.7 ribu) kepada 8.5 ribu pewujudan jawatan. Sementara itu, pewujudan jawatan dalam kategori berkemahiran rendah yang menyumbang 10.4 peratus daripada keseluruhan pewujudan jawatan, meningkat 13.3 peratus (+0.4 ribu) kepada 3.3 ribu jawatan pada ST2 2024 [Carta 3.9].

Carta 3.9:

Taburan dan peratus perubahan pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, ST2 2024

■ Mahir ■ Separuh mahir ■ Berkemahiran rendah

Peratus sumbangan (%)
[Orang (ribu)]



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2024, DOSM


4. PRODUKTIVITI BURUH

4.1 Produktiviti buruh per jam bekerja

Pada ST2 2024, ekonomi Malaysia berkembang 5.9 peratus tahun-ke-tahun berbanding 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Selari dengan pengembangan ekonomi pada suku tahun tersebut, jumlah jam bekerja meningkat 3.4 peratus untuk merekodkan 9.61 bilion jam. Perbandingan suku tahunan, jumlah jam bekerja terus meningkat pada kadar yang sederhana iaitu 1.7 peratus, selepas mencatatkan pertumbuhan perlahan 0.4 peratus pada ST1 2024 [Carta 4.1].

Carta 4.1:

Jumlah jam bekerja, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Produktiviti Buruh, ST2 2024, DOSM

Di Malaysia, sektor Perkhidmatan merangkumi hampir dua pertiga atau 62.8 peratus daripada jumlah jam bekerja, menjadikannya penyumbang utama kepada ekonomi negara. Manakala sumbangan kedua tertinggi bagi jumlah jam bekerja adalah di sektor Pembuatan yang merangkumi 17.5 peratus, diikuti sektor Pertanian dengan sumbangan 10.7 peratus pada ST2 2024. Sementara itu, sektor Pembinaan menyumbang 8.5 peratus, dan sektor Perlombongan & pengkuarian meliputi 0.5 peratus daripada jumlah jam bekerja.


Semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif tahun-ke-tahun bagi jumlah jam bekerja kecuali sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan masing-masing berkurang 1.2 peratus dan 2.2 peratus pada suku tahun tersebut. Sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan tertinggi dalam jumlah jam bekerja, naik 5.2 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya. Dua subsektor dengan pertumbuhan terbesar adalah dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (8.4%) dan Hartanah & perkhidmatan perniagaan (5.8%). Sementara itu, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembuatan secara keseluruhannya meningkat 1.7 peratus dengan peningkatan terbesar dalam subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik (5.3%) diikuti oleh subsektor Minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan dan prosesan makanan (5.1%). Selain itu, pertumbuhan dalam sektor Pertanian turut kekal positif dengan peningkatan 0.8 peratus pada ST2 2024 [Carta 4.2].

Carta 4.2:

Peratus perubahan tahunan jumlah jam bekerja mengikut sektor ekonomi, ST1 2024 & ST2 2024

■ ST1 2024 ■ ST2 2024

Peratus perubahan (%)



Sumber: Produktiviti Buruh, ST2 2024, DOSM

Secara keseluruhannya, produktiviti buruh yang diukur melalui nilai tambah per jam bekerja meningkat 2.4 peratus pada ST2 2024 selepas mencatatkan peningkatan 2.0 peratus pada suku tahun sebelumnya, membawa nilai produktiviti kepada RM41.7 per jam [Carta 4.3].

Carta 4.3:

Produktiviti buruh per jam bekerja, ST1 2021 – ST2 2024

■ Produktiviti buruh per jam bekerja (RM) ● Produktiviti buruh per jam bekerja (Tahun-ke-tahun, %) ● Jumlah jam bekerja (Tahun-ke-tahun, %)



Sumber: Produktiviti Buruh, ST2 2024, DOSM

Melihat kepada produktiviti buruh per jam bekerja mengikut sektor ekonomi pada ST2 2024, semua sektor menunjukkan pertumbuhan tahunan positif termasuk sektor Pembuatan yang mencatatkan peningkatan 3.0 peratus, selepas turun 0.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Walaupun terdapat peningkatan dalam kebanyakan subsektor dalam Pembuatan, terdapat dua subsektor yang mencatatkan pertumbuhan negatif, iaitu Produk petroleum, kimia, getah & plastik (-1.1%) dan Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (-0.1%).

Sektor Perkhidmatan mengekalkan trend menaik, dengan produktiviti buruh per jam bekerja bertambah 0.7 peratus tahun-ke-tahun pada ST2 2024. Pertumbuhan tertinggi dicatatkan dalam subsektor Kewangan & insurans (8.0%) diikuti oleh Pengangkutan & penyimpanan (7.1%) dan Hartanah & perkhidmatan perniagaan (3.4%).

Pada suku tahun yang sama, sektor Pembinaan meningkat 19.9 peratus dalam produktiviti buruh per jam bekerja, mengatasi peningkatan 12.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Begitu juga, sektor Pertanian bertambah lebih baik 6.3 peratus manakala sektor Perlombongan & pengkuarian meningkat 4.0 peratus dalam produktiviti buruh per jam bekerja pada ST2 2024 [Jadual 4.1].

Jadual 4.1:

Peratus perubahan tahunan produktiviti buruh per jam bekerja, nilai ditambah & jumlah jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi, ST2 2024

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh per jam bekerja	Nilai ditambah	Jumlah jam bekerja
Pertanian	6.3	7.2	0.8
Perlombongan & pengkuarian	4.0	2.7	-1.2
Pembuatan	3.0	4.7	1.7
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	-0.1	5.0	5.1
Minuman & produk tembakau	5.7	8.0	2.2
Produk tekstil, pakaian & kulit	5.8	3.6	-2.1
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	5.5	5.2	-0.2
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	-1.1	4.1	5.3
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	8.6	9.4	0.7
Produk elektrik, elektronik & optikal	3.9	3.0	-0.8
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	2.6	5.6	2.8
Pembinaan	19.9	17.3	-2.2
Perkhidmatan	0.7	5.9	5.2
Utiliti	-1.3	3.2	4.5
Perdagangan borong & runcit	1.3	4.8	3.4
Makanan & minuman dan penginapan	-2.5	5.8	8.4
Pengangkutan & penyimpanan	7.1	10.5	3.1
Maklumat & komunikasi	-0.9	3.1	4.0
Kewangan & insurans	8.0	10.1	2.0
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	3.4	9.4	5.8
Perkhidmatan lain	-0.7	4.9	5.6
Jumlah	2.4	5.9	3.4

Sumber: Produktiviti Buruh, ST2 2024, DOSM


4. PRODUKTIVITI BURUH

4.2 Produktiviti buruh per pekerja

Selari dengan prestasi ekonomi yang kukuh dan keadaan pasaran buruh yang positif pada ST2 2024, guna tenaga meningkat 2.8 peratus tahun-ke-tahun untuk merekodkan 16.59 juta orang. Secara suku tahunan, selepas pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 0.3 peratus pada suku tahun sebelumnya, guna tenaga meningkat 1.2 peratus pada ST2 2024 [Carta 4.4].

Carta 4.4:

Guna tenaga, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Produktiviti Buruh, ST2 2024, DOSM

Pada ST2 2024, peningkatan guna tenaga didorong oleh pertumbuhan dalam semua sektor ekonomi, terutamanya dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan meningkat 3.7 peratus untuk merekodkan 10.39 juta orang, dengan semua subsektor bertambah baik berbanding suku tahun sebelumnya. Peningkatan tertinggi dicatatkan dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (6.9%), diikuti oleh subsektor Utiliti (6.1%) dan Pengangkutan & penyimpanan (4.4%).

Bagi sektor Pembuatan, guna tenaga meningkat 1.6 peratus untuk mencatatkan sejumlah 2.83 juta orang pada ST2 2024. Berbanding dengan suku sama tahun sebelumnya, guna tenaga berkembang dalam semua subsektor Pembuatan kecuali subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal yang mencatatkan penurunan marginal. Peningkatan paling signifikan direkodkan dalam subsektor Minuman & produk tembakau (3.8%), diikuti oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.9%).


Selain itu, guna tenaga dalam sektor Pertanian meningkat 1.1 peratus kepada 1.90 juta orang pada ST2 2024. Sementara itu, guna tenaga dalam sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan masing-masing turut meningkat 0.2 peratus dan 0.8 peratus [Carta 4.5].

Carta 4.5:

Peratus perubahan tahunan guna tenaga mengikut sektor ekonomi, ST1 2024 & ST2 2024

■ ST1 2024 ■ ST2 2024

Peratus perubahan (%)




Sumber: Produktiviti Buruh, ST2 2024, DOSM

Berikutan ekonomi mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada guna tenaga, produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja terus meningkat 3.1 peratus untuk merekodkan RM24,151 per pekerja pada suku tahun tersebut [Carta 4.6].

Carta 4.6:

Produktiviti buruh per pekerja, ST1 2021 – ST2 2024

■ Produktiviti buruh per pekerja (RM) ● Produktiviti buruh per pekerja (Tahun-ke-tahun, %) ● Guna tenaga (Tahun-ke-tahun, %)



Sumber: Produktiviti Buruh, ST2 2024, DOSM

Berhubung dengan produktiviti buruh per pekerja mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan merekodkan peningkatan tahun-ke-tahun yang lebih kukuh sebanyak 2.2 peratus pada ST2 2024 berikutan pertumbuhan positif dalam kebanyakan subsektornya kecuali Utiliti (-2.8%) dan Makanan & minuman dan penginapan (-1.1%). Pertumbuhan tertinggi bagi produktiviti buruh per pekerja direkodkan bagi tiga subsektor iaitu Kewangan & insurans (7.5%), Hartanah & perkhidmatan perniagaan (6.2%) dan Pengangkutan & penyimpanan (5.8%).

Pada masa yang sama, produktiviti buruh per pekerja bagi sektor pembuatan meningkat 3.1 peratus tahun-ke-tahun pada ST2 2024 berbanding kenaikan 0.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan tertinggi dalam sektor ini direkodkan oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (6.3%), diikuti subsektor Minuman & produk tembakau (4.0%), Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan (3.9%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (3.8%).

Sektor Pembinaan meneruskan trend menaik dengan peningkatan dua digit sebanyak 16.3 peratus bagi produktiviti buruh per pekerja. Selain itu, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian turut menunjukkan peningkatan yang lebih baik berbanding suku tahun sebelumnya, dengan produktiviti buruh per pekerja masing-masing meningkat 6.0 peratus dan 2.5 peratus pada ST2 2024 [Jadual 4.2].

Jadual 4.2:

Peratus perubahan tahunan produktiviti buruh per pekerja, nilai ditambah & guna tenaga mengikut aktiviti ekonomi, ST2 2024

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh per pekerja	Nilai ditambah	Guna tenaga
Pertanian	6.0	7.2	1.1
Perlombongan & pengkuarian	2.5	2.7	0.2
Pembuatan	3.1	4.7	1.6
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	2.6	5.0	2.4
Minuman & produk tembakau	4.0	8.0	3.8
Produk tekstil, pakaian & kulit	2.4	3.6	1.2
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	3.8	5.2	1.3
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	1.6	4.1	2.4
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	6.3	9.4	2.9
Produk elektrik, elektronik & optikal	3.0	3.0	-0.01
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	3.9	5.6	1.6
Pembinaan	16.3	17.3	0.8
Perkhidmatan	2.2	5.9	3.7
Utiliti	-2.8	3.2	6.1
Perdagangan borong & runcit	1.2	4.8	3.6
Makanan & minuman dan penginapan	-1.1	5.8	6.9
Pengangkutan & penyimpanan	5.8	10.5	4.4
Maklumat & komunikasi	0.4	3.1	2.7
Kewangan & insurans	7.5	10.1	2.5
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	6.2	9.4	3.0
Perkhidmatan lain	2.9	4.9	1.9
Jumlah	3.1	5.9	2.8

Sumber: Produktiviti Buruh, ST2 2024, DOSM


5. UPAH PEKERJA

5.1 Median upah bulanan pekerja formal

Berdasarkan Statistik Upah Pekerja yang disusun menggunakan sumber data pentadbiran, bilangan pekerja formal warganegara merekodkan sejumlah 6.55 juta orang pada Mac 2024, yang meningkat sebanyak 1.5 peratus (+97.3 ribu) berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Sehubungan itu, bilangan ini menyumbang 62.6 peratus daripada jumlah pekerja bergaji warganegara dalam kedua-dua sektor swasta dan awam [Carta 5.1].

Carta 5.1:

Pekerja formal warganegara, Januari 2023 – Mac 2024




Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2024, DOSM

Sehingga Mac 2024, median upah bulanan bagi pekerja formal warganegara adalah RM2,844, mengekalkan trend menaik untuk mencatatkan peningkatan tahunan 9.4 peratus pada bulan tersebut [Carta 5.2].

Carta 5.2:

Median upah bulanan, Januari 2023 – Mac 2024




Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST 2024, DOSM

Median upah bulanan bagi lelaki meningkat 8.9 peratus tahun-ke-tahun kepada RM2,900, mewakili 55.3 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara pada Mac 2024, atau bersamaan 3.62 juta orang. Sementara itu, perempuan merangkumi 44.7 peratus daripada pekerja formal warganegara, dengan peningkatan 10.0 peratus bagi median upah bulanan kepada RM2,800 **[Carta 5.3]**.

Begitu juga, kedua-dua lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan bulan-ke-bulan, dengan nilai median masing-masing naik 3.6 peratus dan 2.7 peratus berbanding Februari 2024. Perbandingan upah mengikut jantina, pekerja formal lelaki secara konsisten lebih tinggi berbanding median pekerja perempuan. Pada Mac 2024, lelaki menerima 3.6 peratus lebih tinggi daripada median upah bulanan yang diterima oleh pekerja formal perempuan.

Carta 5.3:

Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan dan peratus sumbangan pekerja formal warganegara mengikut jantina, Mac 2024



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2024, DOSM


Pekerja formal warganegara berumur antara 45 dan 49 tahun merekodkan median upah bulanan tertinggi, iaitu RM3,818 pada Mac 2024. Kumpulan ini terdiri 9.2 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara. Sementara itu, kumpulan umur bawah 20 tahun mencatatkan median upah bulanan terendah dengan RM1,500. Pola ini sama dengan bulan-bulan sebelumnya, menunjukkan taburan upah bagi pekerja formal dipengaruhi oleh kumpulan umur yang berkait rapat dengan tahap pendidikan dan juga pengalaman bekerja.

Pada Mac 2024, median upah bulanan pekerja formal warganegara bagi semua kumpulan umur mencatatkan pertumbuhan positif kecuali mereka yang berumur bawah 20 tahun, kekal seperti bulan yang sama tahun lepas. Antara kumpulan umur ini, pekerja formal yang berumur 65 tahun dan ke atas merekodkan peningkatan paling ketara 9.8 peratus **[Carta 5.4]**.

Berdasarkan perbandingan bulanan, semua kumpulan umur turut menunjukkan pertumbuhan positif bagi median upah bulanan, kecuali mereka yang berumur 65 tahun dan ke atas, menurun 1.9 peratus pada Mac 2024. Sementara itu, median upah bulanan bagi kumpulan umur 15 hingga 19 tahun dan 60 hingga 64 tahun kekal tidak berubah.

Chart 5.4:

Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan dan peratus sumbangan pekerja formal warganegara mengikut kumpulan umur, Mac 2024



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2024, DOSM

Dari segi aktiviti ekonomi, median upah bulanan menunjukkan pertumbuhan positif bagi semua lima sektor utama pada Mac 2024 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Sektor Perlombongan & pengkuarian terus merekodkan median tertinggi pada RM8,400, yang mencatatkan peningkatan 12.0 peratus berbanding Mac 2023 walaupun hanya menyumbang 0.6 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara. Sementara itu, sektor Pembinaan mencatatkan median upah bulanan kedua tertinggi RM2,964 pada bulan tersebut, menunjukkan peningkatan 7.2 peratus tahun-ke-tahun.

Sebagai penyumbang utama kepada ekonomi, pekerja formal warganegara dalam sektor Perkhidmatan menyumbang lebih daripada dua pertiga (68.0%), bersamaan 4.45 juta orang. Pekerja formal ini menerima median upah bulanan RM2,882 pada Mac 2024, dengan kenaikan 9.7 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Bagi subsektor Perkhidmatan, Kewangan & insurans merekodkan median upah bulanan tertinggi RM6,900, diikuti oleh Maklumat & komunikasi RM5,700. Sebaliknya, median upah bulanan bagi subsektor yang lain kekal di bawah RM4,000, dengan yang terendah dicatatkan oleh pekerja formal dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (RM1,964). Dari segi perubahan tahunan, subsektor Utiliti mencatatkan pertumbuhan tertinggi tahun-ke-tahun bagi median upah bulanan 19.5 peratus pada Mac 2024.

Pada bulan yang sama, median upah bulanan bagi pekerja formal warganegara dalam sektor Pembuatan meningkat 8.2 peratus tahun-ke-tahun kepada RM2,645. Subsektor Minuman & produk tembakau merekodkan median upah bulanan tertinggi, mencatatkan kenaikan 10.9 peratus kepada RM3,327 pada bulan tersebut. Sehingga Mac 2024, sektor Pertanian mencatatkan median upah bulanan terendah berbanding semua sektor lain pada RM2,000. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diketengahkan bahawa median upah bulanan bagi sektor ini dalam tempoh tersebut menunjukkan peningkatan 5.3 peratus berbanding bulan yang sama tahun lalu [Jadual 5.1].

Jadual 5.1:

Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan dan peratus sumbangan pekerja formal warganegara mengikut aktiviti ekonomi, Mac 2024

Aktiviti ekonomi	Upah Bulanan		Pekerja formal
	Median (RM)	Peratus perubahan (Tahun-ke-tahun, %)	Peratus sumbangan (%)
Pertanian	2,000	5.3	1.9
Perlombongan & pengkuarian	8,400	12.0	0.6
Pembuatan	2,645	8.2	17.8
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	2,300	6.3	2.6
Minuman & produk tembakau	3,327	10.9	0.2
Produk tekstil, pakaian & kulit	2,045	5.1	0.4
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	2,427	10.3	1.4
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	2,827	8.7	2.9
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	2,700	8.0	2.2
Produk elektrik, elektronik & optikal	2,664	8.1	4.9
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	2,891	13.6	3.2
Pembinaan	2,964	7.2	5.9
Perkhidmatan	2,882	9.7	68.0
Utiliti	3,400	19.5	1.0
Perdagangan borong & runcit	2,464	8.8	21.2
Makanan & minuman dan penginapan	1,964	10.2	4.4
Pengangkutan & penyimpanan	3,033	12.3	4.5
Maklumat & komunikasi	5,700	9.6	3.3
Kewangan & insurans	6,900	15.0	4.6
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	3,000	7.1	12.0
Perkhidmatan lain	2,764	6.3	16.9
Tidak dikelaskan	3,246	7.2	5.8
Jumlah	2,844	9.4	100.0


Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2024, DOSM

Berhubung upah pekerja formal warganegara di peringkat negeri pada Mac 2024, dua negeri melebihi median upah bulanan peringkat nasional iaitu RM2,844. Mendahului carta adalah W.P. Kuala Lumpur, dengan median upah bulanan tertinggi RM4,256, diikuti Selangor dengan RM3,164 pada bulan tersebut.

Sebaliknya, pada tempoh yang sama, Sabah, Perlis dan Kelantan merekodkan median upah bulanan terendah, dengan setiap negeri melaporkan nilai masing-masing RM1,882, RM1,682 dan RM1,645 [Carta 5.5].

Carta 5.5:

Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan mengikut negeri, Mac 2024



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2024, DOSM

5. UPAH PEKERJA


5.2 Taburan upah bulanan

Pada Mac 2024, taburan upah menunjukkan seramai 2.05 juta orang atau 31.2 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara memperoleh upah bulanan di bawah RM2,000. Kumpulan ini berkurang 9.0 peratus (-202.0 ribu) berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya, manakala sumbangannya berkurang 3.6 mata peratus daripada 34.8 peratus pada Mac 2023.

Pada tempoh yang sama, hanya 7.4 peratus pekerja formal warganegara menerima upah bulanan dibawa gaji minimum RM1,500. Sementara itu, kira-kira 6.4 peratus pekerja formal warganegara memperoleh gaji bulanan tertinggi sebanyak RM15,000 dan ke atas pada Mac 2024 [Carta 5.6].

Carta 5.6:

Taburan upah bulanan bagi pekerja formal warganegara mengikut skala upah, Mac 2023 & Mac 2024




Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2024, DOSM

Berdasarkan analisis persentil menunjukkan bahawa persentil ke-10 pekerja formal warganegara menerima upah bulanan RM1,500 atau kurang. Walau bagaimanapun, kumpulan ini mengalami peningkatan 1.2 peratus pada Mac 2024 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada persentil ke-90, upah bulanan pekerja formal warganegara meningkat 15.4 peratus tahun-ke-tahun, mencecah RM10,500 sebulan. Sehubungan itu, nisbah upah antara kumpulan penerima upah tertinggi (persentil ke-90) dan kumpulan penerima upah terendah (persentil ke-10) menjelaskan bahawa kumpulan penerima upah tertinggi menerima upah bulanan lebih daripada tujuh kali ganda berbanding dengan kumpulan penerima upah terendah [Carta 5.7].

Carta 5.7:

Taburan upah bulanan bagi pekerja formal warganegara mengikut persentil, Mac 2023 & Mac 2024

Mac 2023 Mac 2024 Tahun-ke-tahun (%)



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2024, DOSM

6. MENUJU KE HADAPAN

Memperkuh Pasaran Buruh Malaysia: Keutamaan Strategik daripada Prabelanjawan 2025

Dalam persediaan Malaysia bagi pengumuman Belanjawan 2025, kerajaan telah memperkenalkan strategi berpandangan ke hadapan dalam Kenyataan Prabelanjawan, memberi tumpuan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan memupuk keterangkuman sosial. Kenyataan ini menekankan tiga teras keutamaan: Menaikkan siling, Menaikkan lantai dan Reformasi sektor awam. Keutamaan ini bertujuan untuk menstruktur semula ekonomi ke arah daya saing yang lebih tinggi melalui aktiviti nilai tambah yang tinggi, meningkatkan kualiti hidup dan keterangkuman, serta meningkatkan ketelusan, kecekapan & akauntabiliti dalam kerajaan. Sekali gus, matlamat ini menyediakan asas yang kukuh untuk memacu pembangunan ekonomi dan sosial Malaysia.

Pelaburan yang besar dalam PMKS Malaysia adalah elemen utama dalam Kenyataan Prabelanjawan 2025 bagi pasaran buruh. Walaupun PMKS membentuk 97.4 peratus daripada keseluruhan perniagaan dan menyediakan 48.5 peratus guna tenaga, mereka menyumbang hanya 39.1 peratus kepada KDNK pada tahun 2023. Di bawah Kerangka Ekonomi MADANI, kerajaan berusaha untuk mengukuhkan perusahaan-perusahaan ini untuk menggalakkan pertumbuhan yang mampan bagi meningkatkan kemakmuran ekonomi Malaysia. Pelaburan ini dijangka mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan merentasi pelbagai sektor.

Kenyataan Prabelanjawan juga menekankan peranan penting latihan vokasional dan pembangunan kemahiran. Kerajaan merancang untuk melabur secara signifikan dalam program pendidikan dan latihan vokasional untuk tempoh lima tahun yang akan datang, bertujuan untuk melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang sejajar dengan permintaan ekonomi moden yang berkembang. Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan menjadi asas kepada strategi ini, memupuk kemahiran yang berkaitan dengan industri. Belanjawan 2025 akan meningkatkan kerjasama antara institusi TVET awam, pemain industri dan majikan untuk menangani kekurangan bakat dan memastikan kursus TVET membawa kepada pekerjaan yang bermakna dan pendapatan yang wajar. Pendekatan ini dijangka meningkatkan daya saing global Malaysia dan menarik pelaburan asing. Selain itu, kerajaan juga akan memperkenalkan langkah-langkah untuk memperluaskan laluan pembelajaran sepanjang hayat, menawarkan peluang untuk memperoleh kemahiran melalui universiti, institusi TVET dan *micro-credentials*. Inisiatif ini direka untuk menyokong pembangunan peribadi dan profesional yang berterusan sepanjang kerjaya seseorang individu.

Salah satu komponen utama "Menaikkan Lantai" dalam Kenyataan Prabelanjawan 2025 ialah menambah baik keadaan pasaran buruh, kerajaan merancang untuk mempromosikan peluang pekerjaan dengan pekerjaan yang terhormat dan gaji yang wajar, dengan pengenalan Dasar Gaji Progresif dan sokongan untuk sektor keutamaan di bawah Pelan Induk Perindustrian Baru (NIMP) 2030. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kemahiran, memastikan semua rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada kemajuan ekonomi negara.

Bagi menambahbaik keterangkuman, Belanjawan 2025 menyasarkan untuk meningkatkan KPTB wanita daripada 56.2 peratus kepada 60.0 peratus, mencerminkan komitmen terhadap kesaksamaan jantina. Sasaran ini akan diusahakan melalui reformasi strategik bagi pembaharuan pasaran buruh dengan penyediaan sokongan yang lebih baik untuk penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan

berpatutan, sekali gus mengoptimumkan sumbangan wanita kepada ekonomi. Selain itu, Belanjawan 2025 akan meluaskan perlindungan insurans sosial untuk meliputi semua kumpulan umur bekerja, termasuk pekerja kontrak dan penggiat ekonomi gig. Kerajaan merancang untuk menubuhkan Suruhanjaya Ekonomi Gig dan memperkenalkan undang-undang yang relevan untuk melindungi hak dan kepentingan pekerja gig, termasuk Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Langkah-langkah ini direka untuk memastikan pasaran buruh yang lebih inklusif dan saksama untuk semua rakyat Malaysia.

Kesimpulannya, Belanjawan Malaysia 2025 menggariskan strategi komprehensif untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan keterangkuman sosial. Dengan mengutamakan pelaburan yang besar dalam PMKS, memajukan latihan vokasional dan menambah baik keadaan pasaran buruh, kerajaan menyasarkan untuk membina pasaran buruh yang teguh dan dinamik bagi memenuhi permintaan ekonomi moden. Komitmen untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh perempuan dan memperluaskan perlindungan insurans sosial menunjukkan dedikasi dalam menangani jurang sosioekonomi utama dan memastikan semua rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada kemajuan negara.

7. KESIMPULAN

Pasaran buruh Malaysia mengekalkan momentum positifnya pada ST2 2024, didorong oleh permintaan terhadap buruh yang tinggi dalam pelbagai sektor disamping pengangguran terus berkurangan, mencerminkan prestasi ekonomi negara yang semakin kukuh. Pada tempoh yang sama, pertumbuhan guna tenaga yang positif menyumbang kepada peningkatan tahun-ke-tahun dalam tenaga buruh. Walaupun peningkatan dalam permintaan buruh adalah disebabkan terutamanya oleh pertambahan yang ketara dalam bilangan jawatan diisi, bilangan kekosongan turut merekodkan peningkatan marginal, menunjukkan lebih banyak peluang pekerjaan pada suku tahun tersebut. Disamping itu, lebih banyak pewujudan jawatan pada ST2 2024 berbanding suku sama tahun lepas untuk memenuhi keperluan industri. Melihat kepada kecekapan pasaran buruh, kedua-dua pengukuran produktiviti buruh iaitu nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja mencatatkan peningkatan ketara pada ST2 2024.

Kerangka Ekonomi MADANI, telah mula menunjukkan keupayaannya untuk menangani cabaran ekonomi dan meningkatkan taraf kehidupan. Kemajuan ini dipacu oleh langkah-langkah ekonomi yang digariskan dalam Belanjawan 2024 serta tekad kerajaan dalam pengurusan kewangan yang berhemat di samping terus melindungi kebajikan golongan rentan. Baru-baru ini, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), melalui agensinya, *Talent Corporation Malaysia (TalentCorp)*, memperkenalkan inisiatif baharu, Wanita MyWIRA untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Inisiatif ini memberi tumpuan untuk mengurangkan jurang tenaga kerja dengan mempertingkatkan program yang menggalakkan kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman bagi semua sektor ekonomi. Matlamat ini bukan sahaja untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh perempuan, tetapi juga menggalakkan golongan wanita mengambil jawatan berkemahiran tinggi dengan gaji yang lebih tinggi serta jawatan penting yang ditawarkan dalam industri. Oleh yang demikian, beberapa langkah boleh dilaksanakan, termasuk meningkatkan program latihan kemahiran agar sejajar dengan permintaan semasa, mewujudkan persekitaran kerja yang positif, dan memperluaskan perlindungan sosial merangkumi semua peringkat pekerja. Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Gaji Progresif untuk mencapai pengagihan pendapatan yang lebih seimbang yang juga merupakan sebahagian daripada komitmen kerajaan untuk reformasikan pasaran buruh, sejajar dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12.

Melangkah ke ST3 2024, prospek ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh dan eksport yang terus berkembang. Peningkatan dalam aktiviti perniagaan juga dilihat dapat menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia, seterusnya meningkatkan pewujudan lebih banyak jawatan mahir dan menambah peluang pendapatan. Sehubungan itu, pasaran buruh negara dijangka akan terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil pada suku yang akan datang. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan ini kekal tertakluk kepada risiko yang berpunca daripada perkembangan luar dan faktor domestik yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Pengenalan

Sejak kemerdekaan pada tahun 1957, struktur ekonomi Malaysia telah mengalami transformasi yang ketara. Pada awalnya, ekonomi Malaysia bergantung kepada sektor berasaskan komoditi seperti Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian semasa tempoh awal pasca kemerdekaan dan sepanjang 1970an. Walau bagaimanapun, menjelang 1980-an dan 1990-an, terdapat peralihan ketara ke arah industri sekunder, termasuk Pembinaan dan Pembuatan. Hari ini, sektor Perkhidmatan telah menjadi dominan dalam ekonomi Malaysia, manakala sektor Pembuatan terus memainkan peranan dalam memacu pertumbuhan ekonomi (Qistinna & Shafiq, 2022). Ini sejajar dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), di mana penemuan daripada Banci Ekonomi 2016 mendapati peningkatan nilai ditambah daripada RM0.7 trilion pada 2010 kepada RM1.0 trilion pada 2015. Dalam tempoh ini, nilai keluaran kasar meningkat pada kadar tahunan sebanyak 7.5 peratus, meningkat daripada RM1.7 trilion pada 2010 kepada RM2.5 trilion pada 2015. Sektor Pembuatan merupakan penyumbang terbesar bagi pertumbuhan ini, dengan keluaran kasar sebanyak RM1.1 trilion, diikuti sektor Perkhidmatan sebanyak RM964.7 bilion, Pembinaan RM177.9 bilion, Perlombongan & pengkuarian RM131.1 bilion dan Pertanian RM73.9 bilion (DOSM, 2024).

Banci ekonomi memainkan peranan penting dalam mengukur dan memahami perubahan dalam struktur ekonomi Malaysia. Dengan mengumpul dan menganalisis data secara sistematik merentas pelbagai industri, banci ini mampu menyediakan gambaran terperinci tentang aktiviti ekonomi dan corak pekerjaan negara. Pengumpulan data yang komprehensif ini membantu dalam mengkaji bagaimana sektor yang berbeza menyumbang kepada keseluruhan ekonomi dan bagaimana kepentingan setiap sektor berubah dari semasa ke semasa. Di Malaysia, Banci Ekonomi 2023 merupakan bancian kali kelima sejak permulaannya pada tahun 2001, operasi ini telah dijalankan dari April 2023 hingga 30 September 2023 bagi tahun rujukan 2022. Banci Ekonomi dijalankan dengan mengumpul data melalui proses banci bagi semua pertubuhan perniagaan dan pertubuhan yang tidak berdasarkan keuntungan. Banci ini meliputi 1,133 industri, meliputi pelbagai sektor (DOSM, 2024). Selain itu, Banci Ekonomi 2023 memperkenalkan soal selidik dalam talian (e-BE), yang memudahkan pertubuhan untuk memberikan maklumat diperlukan. Selain kaedah dalam talian, pengumpulan data juga dijalankan melalui emel dan temu bual, sama ada secara bersemuka atau melalui telefon.

Selain itu, Banci Ekonomi 2023 menyediakan maklumat dalam menilai dan memantau dasar kerajaan di samping memenuhi keperluan permintaan data oleh pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta. Antara maklumat yang dikumpul ialah pendapatan, output, perbelanjaan, bilangan pekerja dan gaji & upah. Selain itu, maklumat lain yang dikumpul termasuk pemilikan, perbelanjaan modal, akses kepada pembiayaan, inovasi dan penyelidikan, import dan eksport, perbelanjaan dan teknologi perlindungan alam sekitar, industri kenderaan elektrik, industri dron dan e-sukan (DOSM, 2024).

Dari 2010 hingga 2015, keseluruhan sektor ekonomi menunjukkan pertumbuhan ketara, seperti yang ditunjukkan dalam penemuan Banci Ekonomi 2016. Walau bagaimanapun, sejak banci 2015, ekonomi global telah menghadapi pergolakan yang ketara, terutamanya pada tahun 2020, akibat pandemik COVID-19. Peristiwa yang tidak pernah berlaku sebelum ini telah menyebabkan gangguan ekonomi yang meluas, menjejaskan industri dan pasaran buruh di seluruh dunia. Pandemik ini telah membawa kepada kemerosotan dalam aktiviti ekonomi pada 2020, dengan banyak sektor menghadapi cabaran yang teruk,

seperti permintaan pengguna berkurangan, gangguan rantaian bekalan dan kekangan tenaga kerja. Kerajaan di seluruh dunia melaksanakan pelbagai langkah untuk mengurangkan kesan, termasuk pakej rangsangan ekonomi dan sokongan untuk perniagaan dan pekerja yang terjejas. Oleh itu, data Banci Ekonomi 2023 penting dalam memahami sejauh mana kesan pandemik terhadap struktur ekonomi dan trend guna tenaga. Artikel ini menekankan perbandingan data pekerjaan daripada Banci Ekonomi 2015 dengan 2022

Latar belakang

Tempoh dari 2015 hingga 2022 telah menjadi era transformatif bagi landskap guna tenaga Malaysia, yang telah ditunjukkan dengan perubahan dan cabaran ekonomi yang ketara. Dalam usaha negara dalam mengekalkan trajektori pertumbuhan ekonomi, terdapat pelbagai faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi trend guna tenaga, memerlukan kajian yang lebih mendalam terhadap dinamik ini. Pada 2015, ekonomi Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan yang telah kukuh sebagai kuasa dominan dan didorong oleh kemajuan dalam teknologi, peningkatan perbelanjaan pengguna dan pengembangan perkhidmatan digital. Industri seperti kewangan, telekomunikasi dan pelancongan memainkan peranan penting dalam pewujudan jawatan, mencerminkan peralihan global yang lebih luas ke arah ekonomi berorientasikan perkhidmatan. Sementara itu, sektor Pembuatan terus menyumbang secara signifikan kepada pewujudan jawatan, disokong oleh kedudukan strategik Malaysia dalam rantaian bekalan global dan tumpuannya kepada industri berorientasikan eksport (DOSM, 2024).

Walau bagaimanapun, tahun-tahun selepas 2015 membawa cabaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini terhadap ekonomi Malaysia, terutamanya pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Pandemik itu menyebabkan gangguan ekonomi yang meluas, seterusnya menjejaskan pasaran pekerjaan merentasi pelbagai sektor. Penutupan sempadan dan sekatan perjalanan membawa kepada penurunan permintaan pengguna, gangguan rantaian bekalan dan kekangan operasi, terutamanya memberi kesan kepada industri yang bergantung pada kehadiran fizikal, seperti runcit, hospitaliti dan pelancongan. Sektor Pembuatan juga menghadapi cabaran akibat gangguan rantaian bekalan global dan pengurangan permintaan untuk barangan tidak penting (McKinsey et al, 2020). Di sebalik cabaran ini, pandemik mempercepatkan transformasi digital kepada industri. Pengadaptasian teknologi digital dan cara kerja jarak jauh mencipta peluang baharu dalam sektor IT dan perkhidmatan digital (Fana et al., 2020). Perusahaan semakin menerima e-dagang dan pemasaran digital, yang membawa kepada lonjakan permintaan untuk profesional yang celik teknologi. Peralihan ini menyerlahkan keperluan untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran tenaga kerja untuk memenuhi permintaan pasaran kerja yang berkembang. Campur tangan kerajaan memainkan peranan penting dalam menstabilkan landskap pekerjaan dalam tempoh ini. Pakej rangsangan ekonomi, subsidi upah dan sokongan untuk perusahaan kecil dan sederhana membantu dalam mengurangkan kesan pandemik terhadap guna tenaga. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mengekalkan pekerjaan, menyokong perniagaan yang bergelut dan merangsang pemulihan ekonomi (DOSM, 2024).

Ketika Malaysia mengharungi cabaran tahun lalu, Banci Ekonomi 2023 adalah indikator penting dalam memahami peralihan ekonomi negara yang dinamik. Banci yang komprehensif ini memberikan dapatan terperinci tentang corak guna tenaga merentas pelbagai sektor, memberi penerangan tentang cara industri menyesuaikan diri dan berkembang. Oleh itu, banci ekonomi ini telah memberikan dapatan langsung mengenai transformasi ekonomi Malaysia yang lebih luas. Sepanjang tempoh tujuh tahun, negara telah mengalami perubahan yang ketara, yang mana dapat dibuktikan melalui prestasi eksportnya. Antara 2015 dan 2022, eksport Malaysia berkembang 10.4 peratus, melonjak daripada RM777.5 bilion pada 2015 kepada RM1,550.0 bilion pada 2022 (DOSM, 2024). Pertumbuhan yang luar biasa ini menerangkan perubahan

ekonomi yang dinamik yang menekankan keperluan untuk perancangan strategik dan kebolehsuaian yang berterusan untuk mengekalkan dan meningkatkan trajektori pertumbuhan Malaysia.

Penemuan banci juga boleh menerangkan bagaimana perniagaan telah menyesuaikan diri dengan trend global dan kemajuan teknologi, yang membawa kepada perubahan ketara dalam corak penggunaan, perdagangan dan perbelanjaan. Khususnya, industri yang terikat dengan teknologi dan pendigitalan telah menyaksikan pertumbuhan yang luar biasa. Sebagai contoh, perkhidmatan telekomunikasi tanpa wayar meningkat 12.5 peratus berbanding 2015, manakala pembinaan bangunan bukan kediaman, melonjak 35.4 peratus, didorong oleh pengembangan pusat data dalam sektor Pembinaan (DOSM, 2024). Begitu juga, sektor Pembuatan menyaksikan peningkatan dalam bilangan pertumbuhan dalam industri pembuatan bateri dan penumpuk, mencerminkan trend global. Keutamaan pengguna juga telah memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Permintaan global yang semakin meningkat untuk produk pertanian tempatan telah mendorong industri seperti durian, sarang burung dan pengeluaran lebah ke tahap yang lebih tinggi. “Budaya kafe kopi” telah membawa kepada peningkatan ketara dalam pemain pasaran, mencecah 5,021 dengan nilai ditambah RM1.9 bilion pada 2022. Selain itu, industri *homestay* telah muncul sebagai penginapan alternatif yang popular, mengalami pertumbuhan 79.3 peratus dalam tempoh tujuh tahun (DOSM, 2024).

Perbandingan antara data guna tenaga daripada banci 2015 dan 2022 memberikan maklumat menyeluruh tentang bagaimana pasaran buruh Malaysia telah berkembang. Ia menggariskan kepentingan kemajuan teknologi, dasar kerajaan dan perubahan ekonomi global dalam membentuk dinamik pekerjaan. Tempoh ini telah mengukuhkan kepentingan perancangan strategik dan kebolehsuaian dalam menghadapi cabaran luar jangka, menekankan keperluan untuk pengumpulan dan analisis data yang berterusan untuk memaklumkan keputusan dasar masa depan. Oleh itu, tahun-tahun dari 2015 hingga 2022 telah menjadi tempoh perubahan dan penyesuaian yang ketara untuk landskap pekerjaan di Malaysia. Memahami trend ini adalah penting untuk membangunkan strategi berkesan yang menyokong pertumbuhan ekonomi mampan dan daya tahan tenaga kerja.

Sumber Data



Kajian ini menggunakan statistik siri masa rasmi yang disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) iaitu Banci Ekonomi berdasarkan ketersediaan data iaitu 2015 dan 2022. Statistik rasmi yang diterbitkan oleh DOSM digunakan oleh pengarang dan statistik ini diguna semula dan dikira semula oleh pengarang berdasarkan sumber data asal. Di samping itu, ulasan kesusasteraan daripada artikel, jurnal, laporan dan kertas kerja daripada laman web yang mendokumentasikan maklumat untuk disebar, dianggap sebagai data sekunder.

Penemuan

Dalam landskap pekerjaan di Malaysia, jumlah guna tenaga meningkat sebanyak 1.8 peratus, mencecah 10,004,306 pada 2022, meningkat daripada 8,857,539 pada 2015. Pertumbuhan ini menunjukkan trend positif dalam bilangan pekerjaan dalam tempoh tujuh tahun. Walaupun kebanyakan sektor mengalami penurunan dalam bilangan tenaga kerja, manakala, sektor Pembuatan dan Perkhidmatan terus menunjukkan daya tahan dan pertumbuhan. Kedua-dua sektor ini telah memainkan peranan penting dalam memacu pekerjaan, mencerminkan peranan penting mereka dalam ekonomi Malaysia di tengah-tengah keadaan ekonomi yang berubah-ubah [**Carta 1**].

Melihat kepada sektor pertanian Malaysia, pada 2022, sektor itu menggaji 518,130 orang, menurun 1.3 peratus daripada 2015. Penurunan ini mencerminkan kesan kemajuan teknologi dan pendigitalan, yang telah mengurangkan keperluan buruh serta peralihan yang lebih luas dalam ekonomi Malaysia ke arah perindustrian dan perkhidmatan, mengurangkan pergantungan kepada pertanian sebagai sumber pekerjaan utama.


Carta 1:
Guna tenaga mengikut sektor, 2015 & 2022



Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM

Tenaga kerja sektor Pertanian kebanyakan terdiri daripada pekerja separuh mahir, yang membentuk 76.5 peratus daripada jumlah orang yang terlibat (326,024 orang). Pekerja berkemahiran rendah menyumbang 16.8 peratus (71,668 orang), manakala pekerja mahir mewakili 6.7 peratus (28,521 orang). Pekerja bergaji sepenuh masa membentuk majoriti tenaga kerja, dengan 426,213 orang (82.3%). Selain itu, 85,610 orang (16.5%) adalah pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tanpa gaji dan 6,307 adalah pekerja sambilan (1.2%) [Carta 2].

Carta 2:
Kategori pekerjaan dan tahap kemahiran dalam sektor Pertanian, 2022



Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM



Subsektor tanaman terus menjadi penyumbang terbesar kepada guna tenaga Pertanian, melibatkan 449,268 orang, menyumbang 86.7 peratus daripada jumlah tenaga kerja pertanian. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan 1.3 peratus daripada 2015, apabila guna tenaga subsektor ini seramai 490,947 orang. Dalam subsektor ini, pekerja bergaji (sepenuh masa dan sambilan) membentuk 80.6 peratus daripada tenaga kerja (366,773 orang), manakala pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tanpa gaji menyumbang 18.4 peratus (82,495 orang). Sementara itu, subsektor ternakan menyaksikan peningkatan 1.3 peratus dalam guna tenaga, meningkat daripada 34,805 orang pada 2015 kepada 38,200 pada 2022. Pekerja bergaji mendominasi subsektor ini, terdiri daripada 95.3 peratus daripada tenaga kerja (36,418 orang), dengan pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga membentuk baki 4.7 peratus (1,782 orang). Subsektor perhutanan dan pembalakan mengalami penurunan paling ketara, dengan guna tenaga menurun 8.0 peratus, daripada 26,034 orang pada 2015 kepada 14,553 pada 2022. Pekerja bergaji mewakili 97.8 peratus daripada tenaga kerja (14,236 orang), dengan pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tanpa gaji hanya membentuk 2.2 peratus (317 orang). Subsektor perikanan menyaksikan peningkatan guna tenaga, meningkat sebanyak 0.4 peratus daripada 15,690 orang pada 2015 kepada 16,109 pada 2022. Dalam subsektor ini, pekerja bergaji menyumbang 93.7 peratus daripada tenaga kerja (15,093 orang), manakala pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga yang tidak dibayar membentuk 6.3 peratus (1,016 orang) **[Carta 3]**.

Carta 3:

Guna tenaga bagi sektor Pertanian mengikut subsektor, 2015 & 2022

■ 2015 ■ 2022

Guna tenaga



Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM


Antara 2015 dan 2022, sektor Perlombongan & pengkuarian di Malaysia menyaksikan penurunan ketara bilangan tenaga kerja, dengan bilangan guna tenaga menurun daripada 82,354 orang pada 2015 kepada 65,647 pada 2022, menandakan penurunan 3.2 peratus. Penurunan ini menunjukkan penguncupan berterusan dalam industri, yang berpotensi didorong oleh beberapa faktor termasuk kemajuan teknologi, perubahan permintaan pasaran dan peralihan dalam peraturan industri.

Komposisi tenaga kerja dalam sektor Perlombongan & pengkuarian juga telah berubah. Pada 2022, pekerja separuh mahir membentuk segmen terbesar, dengan 34,597 orang, menyumbang 53.1 peratus daripada tenaga kerja. Diikuti oleh Pekerja mahir, dengan 25,754 orang (39.5%), manakala pekerja berkemahiran rendah mewakili sebahagian kecil tenaga kerja, dengan 4,856 orang (7.4%). Taburan ini mencerminkan kebergantungan sektor ini kepada buruh separuh mahir dan mahir, terutamanya dalam peranan yang

memerlukan kepakaran teknikal dan pengetahuan khusus. Pekerja bergaji sepenuh masa membentuk majoriti tenaga kerja, dengan 65,207 orang (99.3%). Selain itu, 244 orang (0.4%) adalah pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tanpa gaji, dan 196 adalah pekerja sambilan (0.3%) [Carta 4].

Carta 4:

Kategori pekerjaan dan tahap kemahiran dalam sektor Perlombongan & pengkuarian, 2022



Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM


Sebahagian besar pekerja sektor Perlombongan & pengkuarian tertumpu dalam subsektor Perlombongan mineral dan pengkuarian. Pada 2022, subsektor ini menyumbang 54.2 peratus daripada jumlah tenaga kerja, meliputi 35,566 orang. Subsektor ini terus mencerminkan kepentingannya yang berterusan dalam industri, walaupun terdapat penurunan dalam guna tenaga. Penumpuan guna tenaga di subsektor ini menunjukkan bahawa walaupun industri menguncup, ianya kekal sebagai pemacu utama pekerjaan dalam sektor ini. Subsektor Perlombongan petroleum dan gas asli juga memainkan peranan penting, merangkumi 45.8 peratus daripada tenaga kerja pada 2022, dengan 30,081 orang. Subsektor ini menghadapi cabaran disebabkan oleh peralihan global dalam pasaran tenaga, perubahan kawal selia dan tumpuan yang semakin meningkat terhadap kemampunan. Faktor-faktor ini telah menyumbang kepada penurunan keseluruhan bagi guna tenaga dalam sektor Perlombongan & pengkuarian yang lebih luas.

Carta 5:


Guna tenaga bagi sektor Perlombongan & pengkuarian mengikut subsektor, 2015 & 2022

■ 2015 ■ 2022

Guna tenaga



Kadar pertumbuhan tahunan (CAGR, %)




Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM

Pada tahun 2022, guna tenaga dalam sektor Pembinaan di Malaysia berjumlah 1,242,412 orang, mencerminkan sedikit penurunan 0.5 peratus daripada 1,290,474 orang yang bekerja pada 2015. Penurunan ini mencerminkan cabaran yang lebih luas yang dihadapi oleh sektor ini, termasuk keadaan ekonomi, perubahan kawal selia dan peralihan dalam permintaan pasaran. Sektor Pembinaan pada 2022 kebanyakannya terdiri daripada pekerja bergaji sepenuh masa, yang membentuk 95.1 peratus daripada tenaga kerja, berjumlah 1,181,366 orang. Baki 4.9 peratus yang berjumlah 45,537 orang termasuk pemilik yang bekerja, rakan kongsi perniagaan yang aktif, pekerja keluarga tanpa gaji (3.7%) dan pekerja sambilan (1.2%).

Analisis mengikut tahap kemahiran, pekerja separuh mahir mendominasi sektor ini, yang terdiri daripada 78.7 peratus tenaga kerja, dengan 929,805 orang. Pekerja mahir membentuk 14.9 peratus (175,611 orang), manakala pekerja berkemahiran rendah mewakili 6.4 peratus (75,950 orang). Taburan ini menunjukkan kebergantungan sektor Pembinaan kepada buruh separuh mahir, penting untuk melaksanakan pelbagai tugas pembinaan.

Carta 6:
Kategori pekerjaan dan tahap kemahiran dalam sektor Pembinaan, 2022



Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM

Subsektor Kejuruteraan awam muncul penyumbang terbesar kepada guna tenaga dalam sektor Pembinaan, melibatkan 354,342 orang pada 2022, meningkat daripada 325,741 pada 2015. Subsektor ini menyumbang 28.5 peratus daripada jumlah guna tenaga, menunjukkan kepentingannya yang berterusan dalam pembangunan infrastruktur dan projek pembinaan berskala besar. Diikuti oleh subsektor Bangunan bukan kediaman, yang meliputi 303,504 orang pada 2022, mencatatkan penurunan daripada 325,473 orang pada 2015. Subsektor ini mewakili 24.4 peratus daripada jumlah guna tenaga pembinaan, mencerminkan permintaan yang stabil untuk bangunan komersial dan perindustrian, walaupun terdapat penurunan keseluruhan.



Subsektor Aktiviti pertukangan khas melibatkan 298,489 orang pada 2022, turun daripada 310,172 pada 2015, menyumbang 24.0 peratus daripada jumlah guna tenaga. Sementara itu, subsektor Bangunan kediaman menyaksikan penurunan yang ketara, menggajikan 286,077 orang pada 2022, berbanding 329,088 pada 2015, dan menyumbang 23.0 peratus daripada guna tenaga. Pengurangan guna tenaga dalam pembinaan kediaman ini mungkin dikaitkan dengan perubahan keadaan pasaran perumahan dan corak pambayaran yang berkembang.

Carta 7:

Guna tenaga bagi sektor Pembinaan mengikut subsektor, 2015 & 2022

■ 2015 ■ 2022

Guna tenaga




Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM


Salah satu sektor yang menunjukkan peningkatan dalam guna tenaga ialah sektor Pembuatan. Sektor Pembuatan di Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga antara 2015 dan 2022. Pada 2022, seramai 2,346,253 orang terlibat dalam sektor ini, mencerminkan peningkatan ketara daripada 2,119,158 orang direkodkan pada 2015. Pertumbuhan ini mewakili purata peningkatan tahunan 1.5 peratus, menggariskan daya tahan sektor ini dan pengembangan berterusan walaupun menghadapi pelbagai cabaran ekonomi. Sektor Pembuatan secara khususnya terdiri daripada pekerja bergaji sepenuh masa, yang membentuk 97.8 peratus daripada guna tenaga pada 2022, berjumlah 2,294,047 orang. Baki 2.2 peratus, atau 52,206 orang, terdiri daripada pemilik yang bekerja, rakan kongsi perniagaan yang aktif, pekerja keluarga tanpa gaji (1.7%), dan pekerja sambilan (0.5%). Apabila dianalisis mengikut tahap kemahiran, pekerja separuh mahir mendominasi sektor Pembuatan, yang terdiri daripada 72.7 peratus daripada tenaga kerja dengan 1,668,210 orang. Pekerja mahir menyumbang 18.2 peratus (416,763 orang), manakala pekerja berkemahiran rendah membentuk 9.1 peratus (209,074 orang). Pecahan ini menunjukkan kebergantungan sektor ini kepada pekerja separuh mahir untuk mengekalkan produktiviti dan kecekapan.

Carta 8:

Kategori pekerjaan dan tahap kemahiran dalam sektor Pembuatan, 2022



■ Sepenuh masa
■ Sambilan
■ Pemilik bekerja & pekerja keluarga tidak bergaji



■ Mahir ■ Separuh mahir ■ Berkemahiran rendah

Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM


Subsektor Produk elektrik, elektronik & optik memainkan peranan penting dalam memacu guna tenaga dalam sektor Pembuatan. Pada 2022, subsektor ini menyumbang 26.8 peratus daripada jumlah guna tenaga, menggajikan 629,867 orang. Ini menunjukkan peningkatan tahunan 2.5 peratus daripada 528,498 orang pada 2015. Pertumbuhan yang berterusan dalam subsektor ini mencerminkan peningkatan permintaan global untuk produk elektronik dan kedudukan strategik Malaysia dalam rantai bekalan global. Ini diikuti, subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik dengan 437,587 orang pada 2022, merangkumi 18.7 peratus daripada jumlah guna tenaga. Ini merupakan peningkatan yang ketara daripada 376,084 orang pada 2015, menunjukkan kepentingan subsektor dalam pembuatan barangan keperluan dan menyumbang kepada asas perindustrian Malaysia. Subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka juga mencatatkan pertumbuhan, dengan 342,681 orang bekerja pada 2022, meningkat daripada 332,058 pada 2015. Peningkatan berterusan subsektor ini menekankan peranannya dalam menyokong pembinaan, infrastruktur dan pelbagai aktiviti perindustrian.

Carta 9:

Guna tenaga bagi sektor Pembuatan mengikut subsektor, 2015 & 2022

■ 2015 ■ 2022

Guna tenaga



Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM


Satu lagi sektor yang menunjukkan pertumbuhan di Malaysia ialah sektor Perkhidmatan, yang mempunyai pertumbuhan guna tenaga yang ketara antara 2015 dan 2022, menunjukkan kepentingannya yang semakin meningkat kepada ekonomi. Jumlah orang yang terlibat dalam sektor ini meningkat 2.8 peratus tahunan, mencecah 5,831,864 orang pada 2022, meningkat daripada 4,798,077 orang pada 2015. Pertumbuhan ini menunjukkan daya tahan dan kapasiti sektor ini untuk menjana peluang pekerjaan merentasi pelbagai subsektor.

Sektor Perkhidmatan kebanyakannya terdiri daripada pekerja sepenuh masa bergaji, yang membentuk 79.6 peratus daripada guna tenaga pada 2022, berjumlah 4,643,143 orang. Selain itu, 954,759 orang (16.4%) adalah pemilik yang bekerja, rakan kongsi perniagaan yang aktif, dan pekerja keluarga tanpa gaji, manakala 233,962 orang (4.0%) adalah pekerja sambilan bergaji. Dalam kalangan pekerja sepenuh masa berbayar, pekerja sokongan perkeranian dan berkaitan membentuk segmen terbesar, menyumbang 43.3 peratus kepada pasaran buruh, dengan jumlah keseluruhan 2,011,447 orang. Pekerjaan asas menyumbang 25.5 peratus (1,181,993 orang), manakala pengurus, profesional dan penyelidik mewakili 20.5 peratus (953,653 orang) daripada tenaga kerja bergaji sepenuh masa.

Landskap guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan sebahagian besar didominasi oleh pekerja separuh mahir, yang membentuk 47.2 peratus daripada jumlah tenaga kerja pada 2022 dengan jumlah 2,190,147 orang. Pekerja mahir menyumbang 27.4 peratus (1,271,003 orang), manakala pekerja berkemahiran rendah mewakili 25.4 peratus (1,181,993 orang). Ini menunjukkan terdapat pelbagai peluang pekerjaan sektor ini yang memerlukan pelbagai tahap kemahiran dan kepakaran.

Carta 10:

Kategori pekerjaan dan tahap kemahiran dalam sektor Perkhidmatan, 2022



Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM

Subsektor Perdagangan borong & runcit merupakan penyumbang terbesar kepada guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan, menyumbang 37.2 peratus daripada jumlah guna tenaga. Pada 2022, subsektor ini melibatkan 2,171,513 orang, menunjukkan peningkatan tahunan 3.1 peratus daripada 1,752,677 orang pada 2015. Pertumbuhan yang konsisten dalam subsektor ini mencerminkan permintaan yang kukuh untuk perkhidmatan borong dan runcit berikutan perbelanjaan pengguna dan aktiviti perdagangan terus berkembang di Malaysia.

Subsektor Makanan & minuman turut menyaksikan pertumbuhan yang ketara, bilangan guna tenaga dalam subsektor ini pada 2022 direkodkan 1,079,843 orang, mewakili 18.5 peratus daripada jumlah guna tenaga



dalam sektor Perkhidmatan. Ini merupakan peningkatan ketara daripada 891,616 orang yang terlibat pada tahun 2015. Peningkatan guna tenaga dalam subsektor ini mungkin didorong oleh industri makanan dan hospitaliti yang berkembang, disokong oleh sektor pelancongan Malaysia yang semakin berkembang dan perubahan pilihan pengguna. Guna tenaga dalam subsektor Pengangkutan & penyimpanan meningkat kepada 475,831 orang pada 2022 daripada 411,273 pada 2015. Pertumbuhan ini menunjukkan keperluan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan logistik dan pengangkutan, yang penting dalam menyokong perdagangan dalam dan luar negara.

Carta 11:

Guna Tenaga bagi Sektor Perkhidmatan mengikut Subsektor, 2015 & 2022

■ 2015 ■ 2022

Guna tenaga



Sumber: Banci Ekonomi 2023, DOSM

Kesimpulan

Trend guna tenaga dalam ekonomi Malaysia dari tahun 2015 hingga 2022 menunjukkan sifat negara yang dinamik dan berkembang. Sektor Perkhidmatan mengalami peningkatan yang kukuh dalam bilangan tenaga kerja, didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Pengangkutan & penyimpanan. Pertumbuhan ini sejajar dengan peralihan strategik Malaysia ke arah menjadi ekonomi yang lebih pelbagai dan berorientasikan perkhidmatan, meletakkan negara untuk memanfaatkan peluang yang muncul dalam sektor seperti perdagangan digital, pelancongan dan logistik. Sektor Pembuatan juga mencatatkan pertumbuhan, dengan pengembangan ketara dalam subsektor seperti Produk elektrik, elektronik dan optik. Pertumbuhan ini penting untuk matlamat perindustrian Malaysia, terutamanya ketika negara berusaha untuk meningkatkan rantai nilai dan mengukuhkan dirinya sebagai hab pembuatan berteknologi tinggi. Walau bagaimanapun, pergantungan kepada buruh separuh mahir menunjukkan keperluan untuk pelaburan berterusan dalam pendidikan dan latihan untuk memastikan tenaga kerja dapat memenuhi permintaan proses pembuatan yang semakin canggih.

Sektor Pembinaan menghadapi sedikit penurunan bagi guna tenaga disebabkan oleh cabaran seperti peningkatan automasi, keadaan ekonomi ekonomi dan peralihan dalam permintaan domestik. Walaupun begitu, sektor ini kekal sebagai majikan yang penting, terutamanya dalam Kejuruteraan awam dan Bangunan bukan kediaman, menonjolkan pembangunan infrastruktur yang berterusan. Sektor Perlombongan & pengkuarian mengalami penurunan pekerjaan yang paling ketara, sebahagian besarnya disebabkan oleh kemajuan dalam teknologi, permintaan pasaran yang berkembang, dan peralihan fokus dalam industri minyak dan gas daripada pengekstrakan kepada perkhidmatan dan peralatan. Penguncupan ini menyerlahkan cabaran berterusan yang dihadapi oleh industri tradisional dalam menyesuaikan diri dengan realiti teknologi dan pasaran baharu. Akhir sekali, sektor Pertanian mengalami penurunan bilangan tenaga kerja, mencerminkan trend pemodenan dan kemajuan teknologi yang lebih luas yang telah mengurangkan permintaan buruh. Di sebalik peralihan ini, sektor pertanian kekal penting kepada ekonomi, terutamanya dari segi keselamatan makanan dan pembangunan luar bandar.

Secara keseluruhan, trend guna tenaga dari 2015 hingga 2022 merentas sektor ini menunjukkan gambaran ekonomi dalam peralihan. Walaupun sesetengah sektor mengalami pertumbuhan dan berubah, terdapat juga sektor lain yang menguncup atau berubah sebagai tindak balas kepada cabaran dan peluang baharu. Peralihan ini menunjukkan keperluan untuk perancangan strategik dan pelaburan dalam pendidikan, teknologi dan infrastruktur untuk memastikan Malaysia boleh terus menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam ekonomi global yang semakin kompetitif.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

Pengakuan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Yong Joo Chiet, Malathi Ponnusamy dan Jamaliah Jaafar dari Biro Statistik Buruh Malaysia atas pandangan berharga, bimbingan pakar dan bantuan mereka untuk menambah baik artikel ini.

Rujukan

- Baldwin, R., & di Mauro, B. W. (Eds.). (2020). *Economics in the time of COVID-19*. CEPR Press.
- Department of Statistics Malaysia (DOSM). (2024). *Economic Census 2023, Malaysia*.
- Fana, M., Torrejón Pérez, S., & Fernández Macías, E. (2020). Employment impact of COVID-19 crisis: From short-term effects to long-term prospects. *Journal of Industrial and Business Economics*, 47(3), 391–410. <https://doi.org/10.1007/s40812-020-00168-5>
- International Labour Organization (ILO). (2020). *COVID-19 and the world of work: Impact and policy responses*. International Labour Office. <https://www.ilo.org/global/topics/coronavirus/impacts-and-responses>
- Juchnowicz, M., & Kinowska, H. (2021). Employee well-being and digital work during the COVID-19 pandemic. *Information*, 12(8), 293. <https://doi.org/10.3390/info12080293>
- McKinsey & Company. (2020). *How COVID-19 is changing the world of beauty*. McKinsey & Company. <https://www.mckinsey.com/industries/consumer-packaged-goods/our-insights>
- Nur Qistinna Israr, & Muhammad Shafiq Harun. (2022). *Construction sector: A review of labour market situation*.
- Vaghefi, N. (2022). *Automation and the future of work in agriculture*. Penang Institute.
- Yasa, I. G. W. M. "Bali in the Covid-19 Pandemic: Population and Employment Dilemmas." *Jurnal Bali Membangun Bali*, vol. 1, no. 3, 6 Dec. 2020, pp. 143-154
- Gaganidze, G. (2020). *The World Economy before, during and after the Pandemic*. *Economics & Business* (1987-5789), (4).
- Dogru, T., Mody, M. A., Hanks, L., Suess, C., Işık, C., & Sozen, E. (2024). The impact of business models and state regulations on the accommodation sector: theory and empirical evidence from the recent pandemic. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 36(6), 1713-1743

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

JADUAL STATISTIK

ST2

2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST3 2021 - ST2 2024

1. Profil kadar penyertaan tenaga buruh

Indikator	Unit	2021		2022				2023				2024	
		ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	68.3	68.7	69.0	69.2	69.4	69.5	69.8	70.0	70.1	70.1	70.2	70.5
Jantina													
Lelaki	(%)	80.9	81.0	81.5	81.8	82.1	82.3	82.6	82.8	83.0	83.0	83.1	83.4
Perempuan	(%)	55.0	55.4	55.6	55.8	55.8	55.9	56.1	56.2	56.3	56.3	56.4	56.6
Kumpulan umur													
15-24	(%)	42.6	43.6	45.2	45.4	45.7	45.7	46.5	46.1	46.3	46.6	46.9	47.1
25-34	(%)	83.7	87.4	87.4	87.9	87.1	86.9	87.3	88.1	88.5	87.6	88.6	88.7
35-44	(%)	85.9	86.6	84.6	84.6	85.2	86.8	86.2	86.0	85.2	85.1	85.0	84.4
45-54	(%)	76.8	74.4	75.2	75.5	75.1	73.9	76.2	76.0	76.4	77.9	77.1	77.6
55-64	(%)	48.4	43.1	44.0	44.2	46.3	46.3	44.2	45.6	45.8	46.0	45.2	46.8
Jantina dan kumpulan umur													
Lelaki	(%)	80.9	81.0	81.5	81.8	82.1	82.3	82.6	82.8	83.0	83.0	83.1	83.4
15-24	(%)	51.8	56.5	57.9	56.7	56.7	58.4	60.5	58.8	58.5	58.5	57.9	57.7
25-34	(%)	93.5	92.8	93.5	95.8	94.7	95.3	94.0	96.2	96.9	96.8	96.6	96.6
35-44	(%)	97.3	96.5	97.3	95.3	97.7	96.6	97.7	97.9	98.1	98.5	97.9	97.3
45-54	(%)	94.4	96.6	95.0	95.3	95.1	93.8	95.4	93.4	95.2	95.9	95.8	95.6
55-64	(%)	70.7	62.4	61.5	64.2	65.7	65.0	62.5	65.4	63.0	62.0	66.2	69.5
Perempuan	(%)	55.0	55.4	55.6	55.8	55.8	55.9	56.1	56.2	56.3	56.3	56.4	56.6
15-24	(%)	32.4	29.4	31.2	33.0	33.7	31.7	31.1	32.1	32.9	33.5	34.7	35.3
25-34	(%)	72.8	81.3	80.6	79.1	78.6	77.5	79.7	79.1	79.1	77.2	79.6	79.9
35-44	(%)	73.8	75.9	71.2	73.2	72.0	76.5	74.0	73.2	71.4	70.8	71.3	70.5
45-54	(%)	59.3	52.0	55.3	55.6	55.2	53.9	57.0	58.5	57.5	60.0	58.4	59.5
55-64	(%)	27.3	23.6	26.5	24.2	26.6	27.6	25.8	25.7	28.6	29.9	23.7	24.3
Kumpulan etnik													
Warganegara	(%)	66.6	67.3	67.6	67.8	67.9	68.0	68.2	68.4	68.5	68.5	68.5	68.5
Bumiputera	(%)	66.0	65.7	65.9	66.1	66.1	66.1	66.2	66.8	66.9	66.9	67.8	67.8
Cina	(%)	68.7	71.2	72.5	73.0	72.6	73.2	73.3	72.9	73.0	72.8	70.7	70.7
India	(%)	66.4	69.1	67.7	65.9	68.8	69.9	70.5	69.1	69.2	69.7	70.0	69.1
Lain-lain	(%)	67.2	68.3	68.9	77.4	81.5	73.0	75.2	70.5	67.3	73.2	59.7	62.3
Bukan warganegara	(%)	80.6	79.0	79.5	80.4	80.6	80.8	81.2	82.0	82.4	82.4	83.0	85.4
Pencapaian pendidikan													
Tiada pendidikan rasmi	(%)	61.2	63.4	62.7	67.4	65.2	61.7	63.5	61.7	57.9	62.7	60.4	62.7
Rendah	(%)	66.2	68.4	66.9	68.6	69.5	69.2	68.8	68.1	65.0	68.2	68.2	68.1
Menengah	(%)	67.0	67.1	67.0	66.8	67.4	67.5	67.7	67.4	68.7	68.4	68.0	67.9
Tertiari	(%)	72.4	72.4	74.4	74.6	73.8	74.5	74.8	76.8	75.6	74.8	76.4	77.4

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST2 2024, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST3 2021 - ST2 2024

2. Profil tenaga buruh

Indikator	Unit	2021		2022				2023				2024	
		ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
Tenaga buruh	('000)	16,021.0	16,135.0	16,246.1	16,343.3	16,442.9	16,542.2	16,648.9	16,727.4	16,824.0	16,911.7	16,962.3	17,148.9
Jantina													
Lelaki	('000)	9,772.6	9,858.4	9,929.2	9,979.6	10,057.6	10,118.8	10,186.3	10,240.7	10,300.2	10,355.4	10,384.3	10,501.1
Perempuan	('000)	6,248.4	6,276.6	6,316.9	6,363.7	6,385.3	6,423.3	6,462.5	6,486.7	6,523.8	6,556.3	6,578.0	6,647.9
Kumpulan umur													
15-24	('000)	2,595.9	2,685.1	2,737.8	2,767.4	2,800.8	2,801.3	2,859.3	2,850.6	2,869.9	2,903.8	2,920.3	2,942.4
25-34	('000)	5,333.5	5,564.5	5,555.4	5,590.8	5,553.2	5,590.9	5,612.4	5,678.5	5,722.7	5,704.0	5,754.7	5,785.4
35-44	('000)	4,078.3	4,104.1	4,089.3	4,095.1	4,131.2	4,239.9	4,208.0	4,201.3	4,200.1	4,195.8	4,205.0	4,253.6
45-54	('000)	2,690.6	2,608.5	2,637.7	2,657.5	2,655.4	2,606.0	2,711.4	2,710.9	2,733.9	2,800.1	2,786.2	2,810.7
55-64	('000)	1,322.7	1,172.8	1,225.9	1,232.5	1,302.3	1,304.1	1,257.8	1,286.1	1,297.4	1,308.0	1,296.1	1,356.8
Jantina dan kumpulan umur													
Lelaki	('000)	9,772.6	9,858.4	9,929.2	9,979.6	10,057.6	10,118.8	10,186.3	10,240.7	10,300.2	10,355.4	10,384.3	10,501.1
15-24	('000)	1,655.5	1,825.5	1,840.1	1,806.3	1,819.0	1,876.9	1,946.0	1,903.9	1,898.8	1,910.3	1,887.4	1,892.0
25-34	('000)	3,146.2	3,118.4	3,140.8	3,222.3	3,193.2	3,240.6	3,195.1	3,273.1	3,307.4	3,334.8	3,306.5	3,324.3
35-44	('000)	2,383.7	2,363.5	2,420.1	2,373.5	2,434.0	2,428.0	2,456.7	2,471.9	2,494.1	2,504.9	2,495.9	2,549.6
45-54	('000)	1,648.3	1,698.1	1,669.9	1,681.2	1,678.9	1,656.6	1,696.2	1,668.8	1,707.2	1,721.6	1,733.3	1,733.0
55-64	('000)	938.8	852.9	858.4	896.2	932.5	916.7	892.4	922.9	892.7	883.8	961.2	1,002.1
Perempuan	('000)	6,248.4	6,276.6	6,316.9	6,363.7	6,385.3	6,423.3	6,462.5	6,486.7	6,523.8	6,556.3	6,578.0	6,647.9
15-24	('000)	940.4	859.6	897.7	961.1	981.8	924.4	913.3	946.7	971.1	993.5	1,033.0	1,050.4
25-34	('000)	2,187.3	2,446.1	2,414.6	2,368.5	2,360.1	2,350.2	2,417.2	2,405.3	2,415.3	2,369.2	2,448.2	2,461.1
35-44	('000)	1,694.6	1,740.6	1,669.3	1,721.5	1,697.2	1,811.9	1,751.4	1,729.4	1,706.0	1,691.0	1,709.1	1,704.0
45-54	('000)	1,042.3	910.4	967.8	976.3	976.5	949.4	1,015.1	1,042.1	1,026.7	1,078.5	1,052.9	1,077.6
55-64	('000)	383.8	319.9	367.6	336.2	369.8	387.4	365.5	363.2	404.7	424.2	334.9	354.7
Kumpulan etnik													
Warganegara	('000)	13,745.3	13,941.8	14,038.0	14,119.4	14,195.0	14,296.1	14,387.6	14,457.6	14,532.4	14,605.5	14,645.3	14,706.3
Bumiputera	('000)	9,302.4	9,297.0	9,369.6	9,435.1	9,478.8	9,511.3	9,599.1	9,722.1	9,780.9	9,821.7	9,999.1	10,047.9
Cina	('000)	3,321.2	3,453.2	3,515.7	3,543.2	3,525.8	3,557.8	3,567.5	3,549.1	3,557.1	3,554.2	3,455.2	3,467.2
India	('000)	1,028.6	1,048.5	1,042.5	1,006.8	1,052.8	1,093.9	1,075.6	1,060.2	1,066.8	1,075.5	1,082.9	1,076.3
Lain-lain	('000)	93.1	143.1	110.3	134.4	137.5	133.0	145.4	126.2	127.6	154.1	108.0	114.9
Bukan warganegara	('000)	2,275.7	2,193.2	2,208.1	2,223.8	2,247.9	2,246.1	2,261.3	2,269.9	2,291.6	2,306.2	2,317.0	2,442.6
Pencapaian pendidikan													
